



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4211]

KENYATAAN MENTERI MENGENAI PERKHIDMATAN MAS [Ruangan 4237]

USUL-USUL:

Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat (Bil. DR. 4 Tahun 1972) [Ruangan 4245]

AKTA KASTAM, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23), 1972 [Ruangan 4253]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 17), 1972 [Ruangan 4257]

AKTA EKSAIS, 1961—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1972 [Ruangan 4254]

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1972 [Ruangan 4258]

ORDINAN EKSAIS, SABAH, No. 18 Tahun 1959—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1972 [Ruangan 4255]

ORDINAN EKSAIS, SARAWAK (BAB 27)—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1972 [Ruangan 4256]

AKTA CUKAI JUALAN, 1972—

Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (No. 2), 1972 [Ruangan 4256]

Anggaran Pembangunan, 1973 (13hb Disember, 1972) [Ruangan 4259]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 (13hb Disember, 1972) [Ruangan 4259]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Khamis, 14hb Disember, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

„ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

„ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

„ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

„ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

„ CHEGU BAUDI BIN UGGUT (Bandau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

„ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

Yang Berhormat TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER
(Bau-Lundu).

- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K.
(Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).

- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungei Siput).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KUMPULAN WANG SIMPANAN KERETAPI—SUMBANGAN

1. Tuan V. Veerappen (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perhubungan mengapakah sumbangan-sumbangan dari Kumpulan Wang Simpanan yang dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Keretapi oleh Perkhidmatan Pelbagai Kerani Keretapi (Bahagian Rendah) yang berjumlah kira-kira 300 orang selama ini belum lagi dipulangkan kepada mereka oleh kerana mereka ini telah pun ditetapkan di bawah perjawatan berpenecen.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, sungguhpun pekerja-pekerja yang telah diletakkan di bawah Perjawatan Berpenecen tidak lagi perlu membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Keretapi, ini tidaklah bermakna bahawa caruman-caruman mereka itu boleh dikembalikan kepada mereka dengan serta merta. Mengikut peruntukan Seksyen 16 (4) Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951, semua pencaruman yang telah diterima hendaklah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan pembayaran balik caruman itu pada kemudiannya kelak adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951.

Oleh itu pembayaran hanyalah boleh dilakukan sekiranya pekerja tersebut:

- (1) Telah mencapai umur 55 tahun.
- (2) Meninggal dunia; ataupun
- (3) Meninggalkan negara Malaysia ini untuk selama-lamanya.

PEMBUANGAN KERJA

2. Tuan V. Veerappen (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat apakah langkah-langkah yang telah beliau ambil untuk mempercepatkan penyelesaian perkara-perkara pembuangan kerja dan pengurangan kakitangan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, syor-syor untuk mempercepatkan penyelesaian kes-kes pembuangan kerja telah pun dibincangkan oleh Jawatankuasa Undang-undang Buruh bagi Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan (N.J.L.A.C.) Pindaan-pindaan berikutnya kepada seksyen 16A, Akta Perhubungan Perusahaan yang berkaitan dengan cara-cara penyelesaian kes pembuangan kerja adalah sedang ditimbang-kan.

Mengenai kes-kes yang berkenaan dengan pengenejian, pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa berusaha untuk menyelesaikan dengan seberapa segera yang mungkin.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sedar ada juga kes-kes yang belum diselesaikan hampir-hampir enam atau tujuh bulan dan bilakah pindaan di atas Rang Undang-undang ini akan dibawa oleh Kerajaan di dalam Dewan ini, samada sekarang ataupun pada tahun hadapan?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya sedar kes-kes yang dibawa memakan masa yang lama sedikit. Ini bukanlah disebabkan oleh Kementerian. Ini kadang-kadang kedua-dua pihak ada meminta tempuh dan lain-lain.

Yang kedua, pindaan-pindaan yang kita akan kemukakan di Dewan ini sudah pun dihantar kepada wakil pekerja-pekerja dan majikan-majikan dan dengan seberapa segera yang boleh saya akan kemukakan di dalam Dewan ini.

KILANG MEMPEROSES KELAPA

3. Tuan Edmund Langgu anak Saga (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada sebuah kilang memproses kelapa secara besar-besaran akan dibina di Sarawak.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak mempunyai satu rancangan untuk mendirikan sebuah kilang memproses kelapa sagat di Bahagian ke 3 Sarawak bagi mengeluarkan 4,500 tan kelapa sagat setahun.

Selain dari itu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan juga akan melaksanakan, dengan berperingkat-peringkat, Rancangan Pemasaran Kelapa yang akan meliputi semua negeri-negeri di Malaysia. Pada permulaannya, Pusat-pusat akan dibena di kawasan pengeluaran kelapa utama di Sabak Bernam, Selangor dan Hilir Perak, Perak untuk memperoses kelapa pekebun-pekebun kecil kepada kelapa kering yang bermutu tinggi.

Pusat-pusat yang sama akan ditimbangan kemudian oleh Lembaga ini di kawasan pengeluaran kelapa di lain-lain negeri berdasarkan kepada kemajuan yang akan dicapai oleh Pusat-pusat Perintis itu.

Awang Bungsu bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ber-cadang membuat kilang kelapa di Sarawak?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, tadi saya sudah menyatakan bahawa Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sarawak telah pun ada mempunyai rancangan bagi memperoses kelapa sagat dan ini untuk menilaikan kemungkinan di atas kejayaannya dan pertimbangan mungkin akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sendiri apakala didapati kelapa sagat ini mencapai kejayaan.

MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA

4. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah hasil dan kemajuan yang telah dicapai oleh Majlis Perundingan Belia Negara; dan
- (b) berapa kalikah Majlis ini bersidang dalam tahun 1971 dan apakah hasilnya.

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di Pertua, Majlis Perundingan Belia Negara semenjak dilancarkan pada 15hb Mei, 1971 telah mengadakan sidangnya sebanyak 6 kali. Majlis ini memusatkan perhatiannya kepada perkara-perkara yang melibati belia-belie, misalnya soal pelajaran latihan dan pekerjaan bagi mereka. Hasil dari perbincangan-perbincangan dalam

Majlis ini beberapa tindakan telah diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan di dalam usaha mengatasi masalah-masalah tertentu, seperti berikut:

- (i) Sebuah Biro Bimbingan Belia telah dibentuk di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan baru-baru ini dengan tujuan memberi penerangan, nasihat dan bimbingan kepada belia-belie lepasan sekolah mengenai peluang-peluang bekerja dan syarat-syarat yang dikenakan ke atasnya. Di samping itu, adalah juga menjadi tugas Biro ini untuk membantu dalam mencari pekerjaan bagi bekas-bekas pelatih dari Pusat Latihan Belia, Dusun Tua.
- (ii) Satu penyelidikan telah dibuat oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Perundingan Belia Negara mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid sekolah di luar bandar yang mungkin menjadi faktor utama yang menyebabkan kelemahan dan keciciran di kalangan mereka. Hasil penyelidikan itu dan perakuannya telah dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran untuk pertimbangannya.
- (iii) Majlis ini telah juga mengkaji dasar Kerajaan dalam mengeluarkan bantuan-bantuan kepada badan-badan belia untuk projek-projek dan kerja-kerja amal mereka dengan tujuan mengimbangi antara keperluan kewangan yang terhad dan perlunya menimbulkan kesan dalam perbelanjaannya.
- (iv) Oleh kerana banyak belia yang terlibat dalam urusan pertanian sebuah Jawatankuasa telah dilantik untuk menyelaraskan urusan-urusan dalam lapangan ini.
- (v) Sebuah jawatankuasa lagi telah dibentuk bagi mengkaji mata-pelajaran yang dijalankan di Pusat Latihan Belia Pertak, Kuala Kubu Bharu, supaya sesuai dengan kehendak-kehendak belia di masa ini.

Selain daripada perkara-perkara yang disebutkan di atas, Majlis ini telah dapat melahirkan persefahaman dan kesedaran di kalangan belia-belie dan juga lain-lain sektor yang diwakili dalam Majlis ini tentang aspirasi belia dan rancangan-rancangan serta kemampuan Kerajaan

melaksanakannya, melalui penerangan-penerangan tentang rancangan-rancangan Malaysia Kedua dan perbincangan yang dijaikan secara berterus terang.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah benar bahawa Pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak langsung mengadakan follow-up kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan, cuma merujuk sahaja satu perkara itu misalnya atas perkara penubuhan yayasan persekolahan luar bandar?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di Pertua, ini tidak benar. Segala perkara yang dipanjangkan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan itu biasanya diikuti, diawasi atau diselidiki semasa perlaksanaan di atas satu-satu syor atau cadangan-cadangan yang dibuat oleh Majlis itu dilaksanakan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa ramai pelatih-pelatih kita yang keluar daripada Dusun Tua mereka ini belum lagi mendapat pekerjaan dan ada setengah-setengahnya firma tidak sanggup menerima belia-belie kita ini?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Ini soalan yang lain.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, saya mengatakan setengah daripada tujuan dalam biro itu iaitu mengambil belia-belie kita masuk ke Dusun Tua kerana menerima latihan. Saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat Menteri ini sedar ada belia-belie kita yang telah tamat

Tuan Yang di Pertua: Itu betul, saya tahu, tetapi apabila disebut Dusun Tua bukan bermakna soalan itu berkenaan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Jadi saya mengharap

Tuan Yang di Pertua: Duduk!

ORDINAN PEMINJAM WANG 1951— MEMINDA

5. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada Kerajaan bercadang meminda Ordinan Peminjam Wang 1951 bagi mengetatkan lagi syarat-syarat Ordinan tersebut untuk mencegah pemberi-pemberi pinjam penghisap darah daripada mengambil kesempatan terhadap peminjam-peminjam yang miskin.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di Pertua, tindakan adalah sedang dijalankan oleh Kementerian saya untuk meminda Ordinan Pemberi Pinjam Wang, 42/1951 supaya undang-undang itu lebih lengkap dan kemas lagi bagi menjauhkan sebarang keaniayaan dari pihak pemberi pinjam wang.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian yang bertanggungjawab akan mempunyai satu cita-cita untuk menghapuskan samasekali peminjam-peminjam wang yang dalam negara ini yang menjadi lintah darat, menghisap darah orang-orang miskin. Sebabnya, yang pertama undang-undang Kerajaan memberi pinjaman wang bunganya 18% setahun, tetapi Cetti dan Benggali ini memberi hutang kepada rakyat \$18.00 sebulan tiap-tiap \$100.00.

Yang kedua, apakala diberikan pembayaran bunga dengan tidak dijelaskan hutang itu, dia tidak memberikan surat keterangan.

Yang ketiga meminjam \$100 disuruhnya menandatangani

Tuan Yang di Pertua: Adakah yang ketiga ini juga soalan tambahan?

Tuan Hashim bin Gera: Itu saya memberi

Tuan Yang di Pertua: Keterangan?

Tuan Hashim bin Gera: Keterangan.

Tuan Yang di Pertua: Tak payah, dia tahu!

Tuan Hashim bin Gera: Jadi, adakah Kerajaan bercita-cita untuk menghapuskan

lagi pemberi pinjaman wang di negara ini kerana keuntungan wang negara ini dihantar balik kepada negara mereka, tidak membina negara kita Malaysia yang berjaya?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya sedar atas masalah-masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana itulah tindakan telah diambil supaya undang-undang sekarang dikemaskan lagi supaya perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak terjadi lagi.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri sedar iaitu seksyen dalam undang-undang sekarang tidak memaksa orang yang meminjam wang itu beri resit apabila bayaran atau ansuran dibayar kepada peminjam itu dan bolehkah Menteri menimbangkan perkara ini apabila pindaan dibuat kepada undang-undang ini?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya sedar atas perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan tindakan akan diambil apabila pindaan kepada undang-undang itu disediakan.

HOSPITAL-HOSPITAL DAERAH— BILANGAN

6. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan hospital-hospital daerah di negara ini, purata penduduk yang mendapat perkhidmatan dari tiap-tiap hospital daerah dan samada ada rancangan-rancangan untuk menempatkan doktor-doktor pakar ke hospital-hospital ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, ada (45) empat puluh lima buah hospital daerah di Malaysia Barat dan (18) lapan belas buah di Malaysia Timor. Purata penduduk yang mendapat perkhidmatan dari tiap-tiap hospital daerah di Malaysia Barat ialah 126,119 dan Malaysia Timor ialah 59,143. Ya, Kementerian saya merancang mengadakan dalam tiap-tiap buah hospital daerah doktor-doktor pakar dalam tiga bidang kepakaran yang besar iaitu Perubatan, Pembedahan dan Perbidanan dan Sakitpuan.

Doktor-doktor Pakar telah pun ada didapati dalam 12 buah hospital daerah di Malaysia Barat seperti berikut:

Hospital Daerah Sungai Petani,
Hospital Daerah Bukit Mertajam,
Hospital Daerah Taiping,
Hospital Daerah Telok Anson,
Hospital Daerah Batu Gajah,
Hospital Daerah Kelang,
Hospital Daerah Tanjong Karang,
Hospital Daerah Kuala Pilah,
Hospital Daerah Muar,
Hospital Daerah Batu Pahat,
Hospital Daerah Keluang dan
Hospital Daerah Kuala Lipis.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, sudah 14 tahun negara kita merdeka dan di tiap-tiap daerah kita nampak hospital itu macam Slaughter house, tetapi tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan rancangan akan datang akan dibuat hospital baharu ataupun hendak memberi equipment yang baharu dan doktor-doktor baharu di hospital antara lima ataupun enam orang. Bagaimana fikiran Kerajaan mengenai Hospital Daerah Kajang, adakah apa-apa rancangan untuk memperbaiki hospital tersebut?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat faham bahawa adalah hospital yang lama itu akan digantikan di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua atau Rancangan Malaysia Ketiga. Langkah-langkah telah diambil untuk menggantikan bangunan itu seperti Hospital Kelang, sebuah hospital yang lama akan digantikan pada tahun yang akan datang. Inilah satu perkara yang penting untuk membaiki dan meninggikan taraf perkhidmatan dan perubatan kepada rakyat kita.

Hospital Kajang sedang dikaji dan satu laporan akan disampaikan kepada Kementerian saya tidak berapa lama lagi, adakah hospital itu akan mengganti sebuah hospital baharu ataupun untuk membaiki akan dijalankan. Ini satu arahnya daripada saya sendiri.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedar bahawa dalam suratkhbar tiap-tiap hospital ada ejen, atau boleh dikatakan

commission agent dan tunggu sahaja siapa meninggal dunia, mereka menunggu di hospital minta doktor-doktor bila orang ini meninggal dunia, mereka berjanji hendak membawa mayat itu untuk ditanam dan apakah tindakan akan diambil bagi orang yang belum meninggal. Dalam suratkhbar kita ada baca dan saya ingat Yang Berhormat Menteri pun ada baca juga. Bolehkah dibawa undang-undang semacam ini bahawa ejen itu tidak masuk kawasan hospital tiap-tiap tempat?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, perkara ini tidak berkait dengan perkhidmatan hospital. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu dapati ada sesiapa yang meninggal dunia berjanji kepada sesiapa, itu terpulang balik kepada Yang Berhormat sendiri.

Tuan V. David: Yang Berhormat Menteri Kesihatan kalau tidak membaca suratkhbar bahawa orang ramai ada membuat komplén yang beliau tidak guna duduk di sana, boleh resign dan orang lain boleh jalankan, ini termasuk juga ramai orang daripada Perikatan, tetapi kalau Menteri tidak boleh jaga rakyat, sila beritahu. Saya minta kepada Menteri Kesihatan tolong beri satu keterangan, adakah Kerajaan mengambil tindakan atas perkara ini, kalau tidak, sila beritahu.

Tuan Yang di Pertua: Kalau dikatakan macam itu buruknya atas Menteri itu, dia tak payah menjawab pun tak apa.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Tadi kita sudah mendengar Yang Berhormat Menteri menamakan beberapa daerah ada mempunyai doktor pakar, tetapi saya tahu banyak lagi Hospital Daerah tidak ada doktor pakar dan pesakit yang emergency sangatlah susah. Bilakah Hospital Daerah boleh mendapat doktor pakar?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya sedar dan saya sendiri sedar kekurangan kepakaran di negeri ini dan Kementerian saya telah mengambil langkah dengan langkah pendek dan juga langkah panjang. Dengan ini juga satu task force telah dibentuk di Kementerian saya untuk mengkaji apakah langkah yang boleh diambil pada masa yang akan datang supaya tiap-tiap Hospital Daerah pada

masa yang akan datang dapat mengadakan kepakaran yang sesuai untuk rakyat kita.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Kementerian yang bertanggungjawab mengadakan selimut-selimut baharu di Hospital Daerah oleh kerana saya telah pergi ke Hospital Daerah dan mendapati selimut-selimutnya berkarat sangat. Bolehkah diambil tindakan?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, perkara selimut di Hospital-hospital Daerah ini kita akan mengkaji, jika perlu mengadakan mosquito net di hospital itu. Ini kita akan mengambil perhatian yang berat.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar beberapa banyak doktor muda, sungguhpun dia suka pergi mengambil degree doktor pakar, tetapi Kerajaan tidak memberi peluang kepada dia, dengan sebab itu banyak doktor muda meletakkan jawatan daripada perkhidmatan Kerajaan. Apakah rancangan yang akan dibuat?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, soalan itu saya telah jawab. Kementerian saya adalah mengambil langkah dengan masa panjang dan pendek. Jadi itulah satu kajian yang telah dijalankan dengan membawa satu badan task force iaitu kita akan mengkaji apakah langkah yang boleh diambil untuk menggalakkan doktor-doktor kita yang berkecukupan untuk mengambil post-graduate course menjadi pakar pada masa akan datang.

Tuan V. David: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyiasat komplén-komplén mengenai funeral undertakers yang pergi di hospital-hospital bagi tiap-tiap daerah pada masa yang akan datang? Bolehkah Menteri Kesihatan mengambil tindakan atas perkara itu sebab ini bukanlah satu perkara yang saya bawa. Saya ingat semua orang tahu dan membaca dalam suratkhbar, dan saya minta Menteri Kesihatan tolong siasat atas perkara ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, apakah pertanyaan ini, saya tak faham.

Tuan V. David: Saya boleh beri faham. Ada orang yang belum meninggal dalam hospital, funeral undertakers pergi ke sana mencari orang samada orang itu sudah meninggal, oleh kerana dia mahu mengambil tindakan. Perkara ini doktor-doktor sendiri ada mengatakan dalam suratkhbar, ada orang yang mengacau masuk dalam kawasan (compound) hospital. Bolehkah Kerajaan mengambil tindakan untuk menahan orang yang masuk mengacau dalam hospital seperti itu?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu tak boleh faham atas jawapan saya, saya tidak payah jawab lagi. Tapah Hospital bukanlah dipagar, jadi orang ramai boleh masuk dengan bebas dalam Tapah Hospital itu. Jadi bagaimana doktor-doktor kita hendak menghadkan kepada orang ramai supaya jangan masuk ke kawasan hospital itu. Perkara ini bukanlah satu perkara yang kita tidak sedar, tetapi sekiranya ada orang yang menjalankan perniagaan, saya fikir adalah soalan yang lain. Akan tetapi, jika kita menghadkan orang ramai yang melawat hospital, barangkali susahlah orang ramai hendak menengok orang-orang sakit di hospital atau tidak. Kita tak dapat identify orang yang melawat di hospital itu.

Tuan Yang di Pertua: Saya boleh tambah akan keterangan yang diberi itu, umpamanya perkara mati dan hidup tak boleh ditentukan.

Tuan V. David: Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, adakah hospital-hospital memberikan transport facilities bila ada orang meninggal dunia dalam hospital, sekiranya saudaranya mahu ambil mayat itu, adakah kemudahan kenderaan disediakan?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, pengangkutan tiada disediakan, jika ada permintaan daripada keluarga yang berkenaan, maka pegawai-pegawai di Hospital berkenaan akan menolong apa-apa yang boleh ditolong.

Tuan V. David: Itu bohong, hospital di Kuala Lumpur tidak ada kereta disediakan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya tidak mahu jawab lagi soalan itu, kerana Ahli Yang Berhormat itu bersikap kasar.

Tuan Yang di Pertua: Saya tak suka perkara ini dijadikan satu perlawanan boxing di sini. (*Ketawa*). Pertanyaan itu Menteri sudah jawab tadi. Jadi tak ada berhak mengatakan Menteri bohong atau tidak bohong. Terima sahaja. Kalau bohong, orang awam boleh tahu benarkah atau tidak. Bukan Ahli Yang Berhormat seorang sahaja.

Tuan Ahmad bin Ithnin: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar iaitu berhubung dengan hospital daerah yang telah diadakan itu banyakkah kelengkapan yang kurang, umpamanya pakar-pakar belah, tempat tidur dan juga tempat-tempat riha di hospital-hospital daerah. Bolehkah Kementerian ini memberitahu iaitu satu permohonan yang telah dibuat mengenai Hospital Daerah Jasin hanya meminta satu kereta ambulan ditempatkan di situ sampai hari ini tidak mendapat jawapan. Apakah langkah yang telah dijalankan oleh Kementerian ini dalam masa-masa ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan bolehlah berhubung dengan saya. Saya percaya masalah itu boleh diselesaikan dengan segera.

Tuan Loh Jee Mee: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, bilakah Hospital Daerah Tapah boleh mendapat seorang doktor pakar?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, saya sudah jawab soalan ini bahawa kita kekurangan pakar. Pada masa yang akan datang, jika bilangan pakar-pakar itu ada mencukupi, maka dasar Kementerian saya bersedia menghantarkan pakar-pakar bagi tiap-tiap hospital daerah.

Datuk James Wong Kim Min: Tuan Yang di Pertua, saya minta izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris. Mr Speaker, Sir, in view of the number of kidney cases in

Tuan Yang di Pertua: Boleh jadi dia tidak faham, kalau Ahli Yang bercakap dalam bahasa Inggeris.

Datuk James Wong Kim Min: Saya minta izin, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di Pertua: Saya boleh beri izin, tetapi barangkali dia tidak faham bahasa Inggeris. Cuba bercakap Bahasa Kebangsaan (*Ketawa*).

Datuk James Wong Kim Min: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I think the Honourable Minister is aware that there are a number of kidney cases or people suffering from kidney trouble in Sarawak. What action is the Government taking or contemplates to take to have a kidney specialist stationed in Sarawak and also to have a kidney machine stationed in the General Hospital in Kuching or Sibu?

Tan Sri Lee Siok Yew: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in fact, I have answered that question just now. It is the policy of the Government to post specialists to all the District Hospitals when a sufficient number of specialist doctors are trained. So, on the question of whether my Ministry is able to send a kidney specialist to the Kuching Hospital, I shall personally look into this matter and, if we can spare any kidney specialist, certainly we will do what we can.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan, di antara 45 buah hospital daerah di Malaysia Barat dan 18 buah hospital daerah di Malaysia Timur, ada berapa buahkah hospital daerah yang ada di Kelantan sekarang?

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain, tak ada kena-mengena.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Apakah suatu takrif atau pentafsiran atau ketandaan bagi menentukan sesebuah hospital itu dikatakan hospital daerah samada ukuran atau ketandaan dari segi bilangan doktor, bilangan katil-katil yang ada di situ atau sebagainya?

Tuan Yang di Pertua: Soalan itu tak kena-mengena.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua

Tuan Yang di Pertua: Tak boleh. Lain orang pula.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di Pertua, berkenaan doktor pakar, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah beliau bercadang hendak meletakkan seorang doktor pakar di dalam kawasan Dewan Rakyat ini sekurang-kurangnya untuk memeriksa penyakit barangkali yang ada pada Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat? (*Ketawa*).

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, barangkali kita akan dapatkan seorang pakar psychiatrist, kerana barangkali ada Ahli Yang Berhormat yang otaknya tak berapa terang (*Ketawa*).

KELAMBATAN MENGHANTAR SURAT-SURAT

7. **Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar akan kelambatan dalam menghantar surat-surat di dalam daerah yang sama sehingga mengambil masa tiga hingga empat hari baru sampai, jika ya, apa tindakan yang sesuai akan diambil untuk mengelakkan kelambatan ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya tak sedar, tetapi kalau kawasan Ahli Yang Berhormat itu ada kelambatan di tempat-tempat yang tertentu, tolonglah Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan saya supaya dapat saya arahkan Pegawai Pos menyiasat dan memperbaiki lagi berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan berhubung dengan kawasan luar bandar yang memang lambat mendapat surat dengan sebab dihantar seminggu sekali ataupun seminggu dua kali dan kadang-kadang tergendala surat-surat yang datang daripada Kerajaan untuk menjawab satu-satu perkara yang mustahak. Apakah langkah untuk mengatasi perkara ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, kawasan Ahli Yang Berhormat di Dungun itu, kalau belum ada lagi Mobile Post Office, kita akan timbangkan kerana dia boleh pergi ke mana-mana kampung dan boleh menerima surat dan

menghantar-surat. Begitu juga kita minta sebagai Wakil Rakyat, Ketua Kampung dan Penghulu supaya mengakukan wakil-wakil Pos supaya boleh menolong, tetapi selain daripada itu tak dapatlah Kerajaan hendak buat segala-galanya, kerana ada jalan yang mengikut sungai, jalan terlalu kecil. Itu kenalah tolong-menolong, kerjasama bergotong-royong.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bersetuju dengan saya, kalau saya katakan, dengan mengadakan wakil-wakil pos di kawasan-kawasan pendalaman itu tidak boleh mempercepatkan surat-surat sampai kepada orang ramai, malah dengan cara diadakan wakil-wakil pos itu, menambahkan surat berlonggok-longgok di tempat wakil pos itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kalau Ahli Yang Berhormat itu ada cadangan yang baik, hantarkan pada saya, jadi kita dapat tahu yang baik, tetapi cuma tahu hendak menyalahkan, tidak tahu hendak membetulkan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju menimbangkan satu cadangan untuk melepaskan surat-surat ini sampai kepada rakyat di kawasan pendalaman, diadakan wakil posmen di tiap-tiap tempat yang ada mempunyai wakil pos?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat itu boleh berhubung dengan saya, jadi tidak membuang masa. Kita akan timbangkan mana yang prektikal, kita jalankan.

KEMPEN BESAR-BESARAN KENDERAAN PERDAGANGAN

8. Dr A. Soorian minta Menteri Perhubungan menyatakan keputusan-keputusan yang dicapai terhadap "Kempen Besar-Besaran" yang dilancarkan baru-baru ini terhadap kenderaan perdagangan yang bergerak dengan sangat laju di jalanraya-jalanraya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, semenjak "Kempen Besar-Besaran" dilancarkan baru-baru ini bilangan

kenderaan perdagangan yang bergerak dengan sangat laju didapati telah berkurangan walaupun belum memuaskan lagi. Tindakan-tindakan akan terus diambil terhadap mereka-mereka yang masih melakukan kesalahan-kesalahan tersebut. Untuk menjayakan tindakan terhadap pemandu-pemandu yang lari kuat ini maka Undang-undang Lalu-lintas Jalan sedang dipinda untuk meninggi atau memperketatkan lagi hukuman-hukuman terhadap mereka-mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.

Di antara bulan Januari hingga Oktober, 1972, Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengambil tindakan menggantung sebanyak 79 lesen-lesen vokesyenal kenderaan-kenderaan yang melakukan kesalahan lari deras. Pihak Polis juga dengan kerjasama daripada Pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan di sepanjang bulan Mei, 1972 telah mengambil tindakan-tindakan terhadap kenderaan-kenderaan perdagangan yang melakukan berbagai kesalahan termasuk kesalahan lari deras iaitu lori 433 buah, bas 47 buah, teksi 103 buah dan van 44 buah. Angka-angka tindakan terhadap kenderaan perdagangan di dalam bulan-bulan seterusnya sehingga sekarang masih dalam pemerosesan; sedang disiasat dan dikumpulkan.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Pagi-pagi kita nampak highway di Kuala Lumpur, heavy-earth removing tractors ada berjalan. Dahulu kita ada dengar dalam Dewan ini bahawa Kerajaan hendak membawa pindaan atas undang-undang yang menahan vehicle semasa peak hours. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu bagaimana Kerajaan hendak mengambil tindakan atas earth moving tractors bila dia speed during peak hours?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tiap-tiap kenderaan ada speed limitnya. Saya fikir kalau yang heavy equipment ini lagi slow, kalau dia laju, kita akan ambil tindakan, sama juga sebagaimana lori-lori, atau van-van, atau bas-bas juga, tetapi kalau cakap secara umum sahaja tidak guna. Kalau Ahli Yang Berhormat nampak nombornya, bila masanya, beritahu, kita akan panggil drebar itu, kita akan siasat. Tetapi kalau dia cabar, Ahli Yang Berhormat kena beri keterangan bagi pihak kita.

Tuan V. David: Yang Berhormat Menteri selalu bercakap cabar, tetapi saya fikir tiada guna cabar dia, sebab tidak berguna. Saya minta heavy vehicle ini, bolehkah kita tahan dia lalu during day time atau siang. Kalau dia boleh lalu malam masa tidak ada kereta, barangkali flow of traffic senang di highway. Bukan saya berfikir begitu, saya ingat barangkali semua Ahli-ahli Yang Berhormat dari Perikatan pun tahu hal ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri mencari jalan bagaimana hendak mengambil tindakan atas perkara ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya akan berhubung dengan trafik polis dan pihak Kerjaraya, kerana ini akan melambatkan kerja-kerja bangunan dan kerja jalan. Kita akan timbangkan perkara ini.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Adakah Menteri Perhubungan mengetahui sebab kurangnya berjaya menangkap lori-lori yang laju itu, kerana apakala ada highway petrol mengadakan perangkap lori laju, apabila seorang itu telah kena, maka kawan yang belakang ini bila mara ke hadapan, berselisih dengan kawan-kawannya, memberi isyarat 30 batu sejam, atau digunakan lampu yang kejam-celik. Motokar yang ke hadapan terpaksa berjalan lambat. Adakah Menteri Perhubungan hendak menangkap orang yang memberi isyarat itu pula sebab dia bersubahat. (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, ini saya akan rujukkan kepada pihak trafik polis. Saya fikir mereka pun tahu. Kita bukan hendak cari orang salah, hendak menyekat orang lari laju kerana mengelakkan daripada merbahaya. Pihak Polis pun ada taktik juga.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Adakah kemungkinan Kerajaan menubuhkan satu highway petrol berasingan daripada Pejabat Polis di bawah Kementerian Perhubungan?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Jawatankuasa Jemaah Menteri telahpun mengadakan mesyuarat dan telahpun mengadakan satu recommendation supaya diadakan sebuah highway petrol sebagaimana negara-negara yang lain, supaya dapat dikawal lebih lagi keadaan seperti ini.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Soalan tambahan lagi. Adakah kemungkinan Kerajaan menghalang kereta-kereta yang besar-besar, lori balak dan lain-lain menggunakan jalanraya pada hari Ahad supaya senang orang-orang yang hendak membawa keluarganya keluar ber-cuti dan lain-lain?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, itu kita akan timbangkan. Kalau banyak permohonan orang yang hendak pergi picnic di Port Dickson, (*Ketawa*) kalau semua hendak tutup hari Ahad, business tidak boleh jalan.

PUSAT LATIHAN VOKESYENAL DAN PERINDASTRIAN

9. **Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah** bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat adakah Kerajaan Pusat akan menubuhkan sebuah Pusat Latihan Vokesyenal dan Perindustrian di Sarawak untuk melatih tenaga manusia yang cukup bagi menghadapi Kemajuan Perindustrian yang dijangkakan bagi Negeri tersebut.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, Jabatan Tenaga Rakyat telah menjalankan satu penilaian permulaan mengenai keperluan-keperluan latihan perusahaan di Sarawak dalam bulan Oktober dan November, 1972 dan ini akan diikuti oleh satu tinjauan tenaga manusia yang lebih mendalam dan meluas yang akan dijalankan bagi Malaysia seluruhnya dalam masa tiga hingga lima bulan yang akan datang. Tinjauan ini akan menyediakan asas yang lebih baik bagi menentukan kemahiran-kemahiran yang berkurangan dan perusahaan-perusahaan dan kawasan-kawasan di Sarawak yang terlibat.

Keputusan-keputusan akan terpaksa dikaji oleh pihak-pihak berkuasa pekerjaan dan latihan di Negeri Sarawak, termasuk Unit Perancang Negeri, Jabatan Buruh dan Jabatan Pelajaran, bagi menentukan kemudahan-kemudahan latihan yang mungkin diperlukan sebagai tambahan kepada Sekolah Menengah Vokesyenal yang ada sekarang di Kuching dan dua buah sekolah yang baru yang akan didirikan di Sibul dan Miri mungkin dalam tahun 1974 dan 1976.

Terdapat juga kemungkinan bahawa keperluan-keperluan latihan Perusahaan di Sarawak dan Sabah boleh diatasi melalui satu kemudahan bersama dan ini haruslah diselidiki oleh pihak-pihak berkuasa tenaga manusia dan latihan masing-masing dalam bekerjasama dengan Kementerian saya.

Sementara itu rancangan perantisan Kementerian ini telah diperluaskan ke Sarawak dan Sabah dan kemudahan-kemudahan teknik di Pusat Latihan Perusahaan di Malaysia Barat adalah terbuka kepada kedua-dua negeri ini.

Kementerian saya telah menyediakan 10 tempat bagi tiap-tiap negeri Sarawak dan Sabah dalam tahun 1972 bagi Kursus Persediaan Ketukangan di Pusat Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur. Untuk tahun 1973 jumlah tempat yang disediakan telah ditambah menjadi 24 bagi tiap-tiap Negeri. Ini hanyalah satu langkah sementara sehingga ke satu masa kelak apabila Pusat Latihan Perusahaan didirikan di Sarawak dan Sabah. Saya berharap kedua-dua Kerajaan Negeri akan menggunakan tempat yang disediakan oleh Pusat Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur ini dengan sepenuhnya.

DEMAM BABI—KES-KES PENYAKIT

10. Tuan Ng Hoe Hun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (i) bilangan kes-kes demam babi yang telah dilaporkan berlaku di Malaysia dalam tahun 1972; dan
Tun Tan Siew Sin: The meeting of the Committee which discussed this matter was held on the 31st of October this year—that is less than one-and-a-half months ago—and Tuan Lim Cho Hock was present. I remember this meeting very well because I played some part in it; this D.A.P. Member agreed to everything we proposed, and now his own party Members oppose this strongly—so much for the D.A.P.; so much for the democracy which they profess. Now we have an idea what the D.A.P. means by democracy—it is a most humiliating form of democracy which they practise and this fact speaks louder than words. I have been in this House, Sir, for 24 continuous years and in all this period I have not seen a more futile exhibition of political folly and imbecility.

One Honourable Member asked—that is another tribute to his ignorance—why we allow only one hour for Questions. This is not an arbitrary period. If the Honourable Member had taken the trouble to increase his knowledge, he would have found that this is the practice of the British House of Commons, which is the Mother of Parliaments. I suppose he will now say that the British House of Commons does not practise the kind of democracy which the Honourable Members practises.

Now, in regard to the general accusation that this is not democratic, all I can say is this: Honourable Members of the House are well aware that at every Question Time period, only a small number of questions of the total number can be answered; and the reason is not far to seek, whereas in older Parliaments, one question takes only a couple of minutes to dispose of, so that in one hour probably 30 or more questions can be answered, in this House we can answer only 9 or 10 questions, thanks to the stupid behaviour of the Opposition Members themselves. They repeat things, which should not be repeated. They ask questions which are wide off the mark, and hence we waste a lot of time. For that they have got only themselves to blame. But in spite of their

immaturity, we cannot expect too much from them, knowing their origins. But in spite of that, we feel that we might make allowance for this by making it easier for them, by giving them less questions to ask, so that they will be more clear-headed and they do not ask the same questions which they asked in previous sessions.

I am convinced, Sir, that this new procedure would help them in fact and then they can use their discretion better and choose questions, instead of firing questions at the Government indiscriminately, sometimes even though such questions had been answered in previous sessions. I have no doubt, therefore, that this new procedure would rather help them. It will certainly not waste the time of the House, and I think from now on we should get a better set of questions and there will be less repetition of questions which had been asked and answered before.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Disetujui,

Bahawa Lapuran Yang Pertama Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Penggal yang Kedua yang telah dibentangkan sebagai Risalat Bil. DR 4 tahun 1972 hendaklah diterima

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 137 tahun 1972 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk melaksanakan perubahan-perubahan cukai impot atas beberapa barang yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan bagi tahun 1973 pada hari Rabu yang lalu 6hb Disember,

1972. Sebab-sebab bagi perubahan-perubahan duti ini telah diberi dalam Ucapan tersebut.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Undang-undang No. 137 tahun 1972 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1961

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 138 tahun 1972 disahkan.

Perintah yang ada di hadapan Majlis ini bertujuan melaksanakan duti-duti eksais baru atas beberapa barang keluaran tempatan seperti yang dinyatakan dalam Perintah tersebut. Perubahan-perubahan duti ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah hasil yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya bagi tahun 1973 pada hari Rabu, 6hb Disember, 1972 yang lalu.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961 Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 138 tahun 1972 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SABAH, NO. 18 TAHUN 1959

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1972
Sabah

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen (3), Ordinan Eksais, Sabah No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 139 tahun 1972 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah sama dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4) 1972 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini melainkan ia dikenakan di Sabah sahaja.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberitakan kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen (3), Ordinan Eksais, Sabah No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 139 tahun 1972 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SARAWAK (BAB 27)

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1972
Sarawak

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais, Sarawak (Bab. 7), Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 140 tahun 1972 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah sama dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4) 1972 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini melainkan ia dikenakan di Sarawak sahaja.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais, Sarawak (Bab. 27), Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 140 tahun 1972 disahkan.

AKTA CUKAI JUALAN, 1972

Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai)
(No. 2), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 15, Akta Cukai Jualan, 1972, Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (No. 2), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 141 tahun 1972 disahkan.

Perintah yang ada di hadapan Majlis ini bertujuan melaksanakan cukai jualan dengan kadar 10% atas beberapa barang mewah yang tertentu, iaitu rokok, cerut, minuman keras termasuk beer dan stout, batu-batu permata dan logam dan minyak wangi. Ini adalah satu daripada langkah-langkah hasil yang telah diumumkan dalam Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Rabu, 6hb Disember, 1972 yang lalu.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 15, Akta Cukai Jualan, 1972, Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (No. 2), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas Undang-undang No. 141 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 17), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 17), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 142 tahun 1972 disahkan.

Dapur elektrik dan piring-piring hitam yang diperjeniskan masing-masing di bawah nombor kepala 85.12 530 dan 92.12 100 dahulunya tidak dikenakan duti di Pulau Pinang. Oleh kerana barang-barang ini sekarang dikenakan duti eksais maka adalah perlu bagi duti impot baru atas barang-barang ini dikenakan di Pulau Pinang. Tujuan Perintah yang ada di hadapan Majlis ini ialah untuk mengenakan duti impot atas barang-barang tersebut di Pulau Pinang.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 17), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 142 tahun 1972 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1961

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 150 tahun 1972 disahkan.

Sebelum 7hb Disember, 1972 beer dan stout dikenakan duti eksais sebanyak \$6.40 segelan. Selain daripada itu cukai jualan sebanyak 5% juga dikenakan. Rayuan telah-pun dibuat oleh perusahaan brewery bahawa duti-duti ini adalah yang tertinggi sekali di dunia dan telah memberi kesan yang buruk atas jualannya dan oleh itu ia memohon supaya duti eksais itu dikurangkan. Selepas menimbang rayuan itu dengan teliti dan juga mengambil pertimbangan bahawa duti eksais ini adalah lebih tinggi daripada duti yang dikenakan di atas liquor bancuhan tempatan maka adalah diputuskan bahawa duti ini patut dikurangkan kepada \$4.80 segelan. Dengan kenaikan cukai jualan kepada 10% baru-baru ini pengurangan duti pada keseluruhannya ialah lebih kurang 20 sen sequart. Tujuan Perintah yang ada di hadapan Majlis ini ialah untuk mengurangkan duti eksais daripada \$6.40 kepada \$4.80 segelan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 150 tahun 1972 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (13hb Disember, 1972).

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973 (Usul)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,487,522,103 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1973, dan bagi maksud Kepala dan Pecahan-pecahan Kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1973 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 58 tahun 1972, adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang bertentangan dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 atau 7 senarai tersebut; dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 23hb Ogos, 1972, mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan-wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1973 adalah dibatalkan (13hb Disember, 1972).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I was referring yesterday to the Master Plan for the State of Penang.

Mr Speaker, Sir, large sums of money have been expended in getting consultants, experts, to come and draw up a Master Plan for Penang, but to-date it has not been published. The people of Penang would like the Report of the consultants to be published so that they can know what is in it and also see what the Federal Government has done or the State Government has done to carry out the recommendations of the consultants; and find out what portions of the Plan or the Report have been adopted or what portions of it have been rejected. I, therefore, urge the Government to have the Plan published as early as possible and not to drag its feet on this matter much longer.

Mr Speaker, Sir, I would like now to make some reference concerning Local Councils. The Honourable Minister of Technology, Research and Local Government has stated in this House that it is Government's intention to restructure and streamline Local Government in this country. To-date the public cannot see any restructuring or streamlining of Local Councils taking place. What we can see is that there is no system whatsoever in so far as Local Councils are concerned. We have, in the State of Penang, the Honourable Deputy Chief Minister acting as the Tzar of the City Council of Georgetown and other State Executive Councillors lording over the Rural District Councils in that State. Elected representatives of these Councils have been pensioned off. In Ipoh we observe a different set-up, where those who were elected still sit in with the recent inclusion of some Alliance Members which, of course, is in keeping with the Alliance/P.P.P. love story. In the Federal Capital we have a Mayor who is answerable only to the Honourable Minister of Technology, Research and Local Government. In other places we either have wholesale nominated councillors or a mixture of nominated councillors and elected representatives whose mandates have long since expired but who nevertheless still hang around.

Mr Speaker, Sir, Georgetown is the oldest city in the country. It obtained its city status as far back as 1957 but it is a city without a Mayor. The position of Mayor of the City of Georgetown has been consigned to limbo by the State Government of Penang, but in Kuala Lumpur, which received city status only recently, we have a Mayor and the city status of both were welcomed with much fanfare. Now what do we notice? Ipoh wishes to have city status conferred upon it plus a Mayor. Where, Mr Speaker, Sir, is the restructuring? Where is the streamlining? All we can see is confusion bordering on bedlam. Are we taking things seriously, Mr Speaker, Sir, or are we joking?

Mr Speaker, Sir, look at the situation in the State of Penang. The Budget of the City Council of Georgetown which is in the region of \$44 million is passed on the "okay" of one man. It is not open to debate. The State Assembly cannot debate the Budget of the City Council, but the State Budget, which is about half of the Budget of the City Council of Georgetown, is subject to debate in the State Assembly.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: We are debating the Federal Budget, not the State Budget here. You can make a passing remark, but do not go into detail.

Tuan Peter Paul Dason: Yes, Mr. Speaker, Sir. Therefore, the public is fed up with the mess obtaining at the Local Council level, a mess caused by the Government. The public, therefore, wants to know, and has the right to be told by the Honourable Minister of Technology, Research and Local Government, what he intends to do about the present mess and confusion and they want to know in details how he intends to bring about a restructuring of Local Government. Pious pronouncements and platitudes are not enough and we hope that the Minister concerned will shed sufficient light on his plans during this debate.

Finally, Mr Speaker, Sir, I would like to touch on our relations with the People's Republic of China. Mr Speaker, Sir, for years after independence we did not have diplomatic relations with the East European countries or the Soviet Union due partly to the Government's pro-Western inclination and its incomprehensible fear of the unknown. The Government has since changed

its attitude slowly and has established diplomatic and trade ties with these countries and we have had no reason to regret the establishment of such ties with those countries, for these ties have proved cordial and fruitful. I am convinced, Mr Speaker, Sir, that the establishment of diplomatic relations with the People's Republic of China can do us no harm. The establishment of such relationship can in fact help towards the realisation of the stated foreign policy-objective of the Government to bring about the neutralisation of this region. For years the Government has allowed Malaysia to be used as a link in the chain created by others to contain China. That policy of containment has proved its lack of realism and has been discarded by those who invented it and if the People's Republic of China has over those same years shown hostility towards Malaysia, can we say that the Malaysian Government was without blame? Did not the Malaysian Government in its inability to see where our real interests lay invite such hostility by allowing itself to become a pawn in the power play of others? The facts of life in this region of the earth are such, Mr Speaker, Sir, that whether the Malaysian Government likes it or not, the very size and proximity of China must make its influence increasingly felt in this region. It is, therefore, better to have the friendship of China than its enmity. The Malaysian Government has lived for far too long in fear of China. For how long more must we live in such fear when in fact there is no basis in reality for such neurotic fears. If we wish to have the friendship of a quarter of mankind, then let us be courageous enough to extend the hand of friendship.

Mr Speaker, Sir, the D.A.P. therefore, whilst welcoming the slow changing attitude of the Malaysian Government towards the People's Republic of China as exhibited by its present shy and timid approaches to that country, calls on the Government to hasten in its moves for the normalisation of relations with our giant neighbour to the north. Thank you.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan A'bar (Johor Tenggara): Tuan Yang di Pertua, saya tidak akan meniru-niru Anggota-anggota Dewan ini yang telah bercakap lebih dahulu daripada saya yang mana ada di antaranya mengatakan anggaran belanjawan tahun 1973 ini tidak perit (painless) dan ada pula yang mengatakan sebaliknya.

Falsafah saya untuk membuat ukuran atas sesuatu anggaran belanjawan negara adakah dia painless atau tidak, tidaklah diasaskan atas kadar cukai-cukai yang dinaikkan ataupun cukai-cukai yang dihapuskan.

Pada pandangan saya untuk mengukur baik tidaknya atau perit tidaknya sesuatu anggaran belanjawan itu hendaklah ditilik dari segi hasil yang akan terbit daripada peruntukan dalam belanjawan itu.

Umpamanya apakah hasil yang akan diperolehi daripada anggaran ini untuk membasmi atau mengurangkan pengangguran?

Apakah kesannya dalam lapangan pelajaran?

Apakah kesannya dalam lapangan kesihatan?

Apakah hasil yang akan didapati dalam lapangan menghapuskan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat adil yang menjadi slogan pada hari ini.

Pendek kata kiranya peruntukan dalam anggaran belanjawan ini dibelanjakan dengan baik dan sempurna serta dapat menghasilkan natijah-natijah yang mendatangkan kebaikan kepada rakyat dan negara, maka pada saya tidak kira berapa kenaikan cukai yang dikenakan dan anggaran itu adalah anggaran yang tidak perit atau menyakiti, tetapi sebaliknya pula jika peruntukan itu dibelanjakan dengan tidak ketentuan dan tidak sempurna dan hanya dibelanjakan kerana peruntukan itu telah ditetapkan, maka anggaran belanjawan yang seumpama itulah belanjawan malang yang amat sakit dan perit diterima oleh rakyat dan negara.

Kiranya kita perhatikan anggaran-anggaran belanjawan pada tahun-tahun yang lepas, maka kita dapat menarik kesimpulan bahawa hasil daripada anggaran-anggaran belanjawan itu telah banyak mendatangkan perubahan yang baik kepada negara dan kepada rakyat. Tetapi sungguhpun demikian tidaklah bererti bahawa kita berpuas hati dengan sepenuhnya dengan apa yang telah tercapai selama ini. Pada saya masih banyak ruang untuk pembaikan.

Umpamanya dalam soal pelajaran, kita patut menimbangkan masalah keciciran murid-murid, kekurangan guru-guru. Kita ingin mengetahui apakah rancangan-rancangan yang disediakan oleh Kerajaan

untuk membaiki keadaan-keadaan yang tersebut itu, begitu juga dalam soal kesihatan, banyak masalah lagi yang patut diperbaiki dan tidak kurang pula masalah yang menghadapi negara berkaitan dengan soal pengangguran.

Seperkara yang penting sekarang ini, Tuan Yang di Pertua, ialah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang salah satu daripada tujuan-tujuan utamanya ialah hendak menyusun semula masyarakat, hendak menyusun semula masyarakat ini adalah satu masalah besar, kerana kalau kita perhatikan masyarakat kita ada banyak masalah-masalahnya, ada banyak problem-problemnya yang sukar, yang memerlukan perhatian dan tumpuan yang bersungguh-sungguh daripada Kerajaan untuk membaikinya.

Masalah yang dihadapi oleh negara pada hari ini dalam penyusunan masyarakat ialah masalah hendak mengseimbangkan antara yang ada dengan yang tidak berada.

Orang yang tidak berada dalam negeri ini boleh dikatakan kebanyakannya ialah penduduk-penduduk luar bandar ataupun orang-orang Melayu dan bumiputra. Oleh sebab itu, Kerajaan dengan tegas di dalam Dasar Ekonomi Baru telah menyatakan bahawa Kerajaan bercadang hendak mencapai 30% daripada kegiatan ekonomi dalam negeri ini dalam masa 20 tahun untuk orang Melayu dan bumiputra yang lain.

Dapatkah ini dicapai dalam masa yang dicita-citakan itu atau tidak? Ini masih kita menunggu hendak melihatnya. Tetapi dengan keadaan perjalanan yang ada pada hari ini, saya nampak bahawa untuk mencapai angka 30% dalam masa 20 tahun itu, kalau pun tidak mustahil, hampir-hampir mustahil.

Saya sendiri tidak dapat hendak faham, Tuan Yang di Pertua, bagaimanakah kita hendak mencapai 30% itu dalam masa 20 tahun? Pada hal perkembangan ekonomi, perkembangan perdagangan, perkembangan industri tidak dikontrol dan tidak disekat; selangkah, dua langkah bumiputra dan orang Melayu melangkah ke hadapan, orang lain melangkah 10 langkah. Jadi bilakah kita akan kejar 30% yang telah diberikan kepada kita sebagai tumpuan dan matlamat kita dalam masa 20 tahun?

Adakah dengan menubuhkan ejensi-ejensi Kerajaan seperti State Economic Development Corporation, PERNAS, MARA, adakah dengan ejensi-ejensi ini kita akan dapat mencapai matlamat yang dicita-citakan itu? Saya sendiri sungguhpun berharap perkara itu akan tercapai, tetapi saya nampak gelap dan samar-samar yang perkara itu akan dapat dijayakan.

Tuan Yang di Pertua, soal hendak menyusun semula masyarakat ini bagaimana yang saya katakan sebentar tadi adalah soal yang amat berat, yang amat sukar. Kerana penyusunan itu bukan sahaja meliputi soal ekonomi dan pembahagian kekayaan yang ada di dalam negeri ini, tetapi ia meliputi segala segi hidup yang kita hadapi, dalam soal pelajaran dan lain-lain sebagainya.

Bagaimanapun kita berharap tidak lama lagi atau setelah tamatnya Rancangan Malaysia Kedua ini, kita akan dapat membaca report atau penyata yang lengkap yang boleh menunjukkan kejayaan-kejayaan ke arah perkara ini.

Tuan Yang di Pertua, dalam Dewan ini kita telah mendengar suara-suara yang mengatakan lebih baik dikenakan cukai-cukai langsung (direct) atas orang-orang yang mempunyai pendapatan yang berlebihan daripada mengenakan cukai-cukai secara tidak langsung.

Cadangan ini sedap didengar dan baik pada pandangan sepintas lalu, kerana cukai dengan sebanyak-banyaknya kepada orang yang mempunyai pendapatan yang lebih, tetapi, Tuan Yang di Pertua, kalau kita perhatikan keadaan negeri kita ini dan kita mendapat tahu bahawa perdagangan dan perindustrian yang ada di dalam negeri ini dikuasai oleh orang-orang yang mempunyai pendapatan yang lebih ini, maka akhirnya cukai itu akan ditimpakan balik semula ke atas rakyat. Jadi samada cukai itu direct atau indirect, maka yang akan terkena akhirnya dan pada penyudahnya ialah pengguna-pengguna dan rakyat yang ada di dalam negeri ini. Oleh sebab itu, pada pendahuluan ucapan saya tadi, soal cukai tidak usah kita gaduhkan sangat tentang naik banyak atau sedikit, tetapi apa yang kita berkehendakkan daripada Kerajaan ialah supaya dapat memperbaiki keadaan-keadaan yang pincang yang ada dalam negeri ini; masaalah pengangguran,

masaalah tidak cukup pendapatan dan masaalah education. Kiranya Kerajaan dapat menyelesaikan masaalah-masaalah ini daripada cukai yang dikutip daripada kita, maka pembayar cukai itu dengan senang hati, dengan rela hati akan membayarnya dengan tidak bersungut kerana cukai kita telah dibelanjakan dengan sempurna dan mendatangkan kebaikan dan kebajikan kepada rakyat yang ada dalam negeri ini.

Dengan keadaan yang ada dalam negeri kita ini dan perkembangan-perkembangan yang kita dapat saksikan di dalam negeri ini, saya ingin hendak bertanya, bolehkah kita mencipta masyarakat adil yang telah dijadikan selogan dalam masa yang akhir-akhir ini? Pada saya sistem ekonomi yang terpakai dalam dunia hari ini, samada sistem itu sistem feudalism, capitalism, socialism atau apa juga sistem ekonomi yang ada dan yang terpakai dalam dunia pada hari ini tidak dapat melahirkan masyarakat adil; tidak dapat melahirkannya. Kita telah dapat saksikan negara-negara yang mengamalkan kominism, sosialism, maka bukan masyarakat adil yang timbul di negara-negara itu, tetapi huru-hara yang kita dapat saksikan di mana-mana juga dalam dunia sekarang ini.

Dengan sebab sistem-sistem yang telah gagal itulah, maka kita melihat dalam dunia ini timbul berbagai-bagai kerisis, kerisis ekonomi dan sebagainya dan kerisis-kerisis ini timbul di merata-rata tempat dalam dunia ini. Kerisis-kerisis ini timbul, Tuan Yang di Pertua, pada pandangan saya menunjukkan bahawa tidak ada ketenteraman dan ketenangan jiwa dan perasaan di kalangan manusia dan dengan tidak adanya ketenteraman ini bagaimanakah kita boleh mengharapkan masyarakat adil dapat diujudkan oleh manusia-manusia yang bingung, manusia yang bergolak dan bergelura jiwanya dan perasaannya dengan berbagai-bagai perasaan takut.

Sudah terang, Tuan Yang di Pertua, sekarang ini bahawa sistem ekonomi yang terpakai sekarang, apa juga bentuk dan rupanya telah gagal dengan dahsyatnya untuk memperbaiki masyarakat manusia dan mengujudkan ketenteraman dan ketenangan jiwa. Boleh jadi sistem yang terpakai dalam dunia pada hari ini telah membawa kemajuan manusia dalam sains dan teknologi, tetapi kepandaian yang ada di tangan orang yang jiwanya tidak tenteram dan tenang

akan membawa kehancuran manusia dan dunia ini. Nyatalah sekarang bahawa manusia dalam dunia ini patut memikirkan satu sistem lain daripada yang ada pada hari ini; sistem ekonomi dan sistem politik yang baharu supaya dapat dilahirkan masyarakat yang adil bagi dunia ini termasuk kita di dalamnya. Kita telah perhatikan capitalism dan keagalannya, sosialism dengan segala kekurangannya, dan kelemahan-kelemahannya. Kita telah memerhatikan komunism dengan balak bencananya yang telah merampas kebebasan manusia dan menjadikan manusia itu seperti haiwan yang tidak mempunyai kebebasan. Memerhatikan semua kegagalan sistem-sistem politik dan ekonomi yang ada dalam dunia ini, saya fikir telah tiba masanya bagi manusia pada hari ini memikirkan satu sistem baharu, sistem ekonomi dan sistem politik yang baharu untuk mengamankan, mententeramkan dunia kita ini dan mengamankan dan memberikan perasaan ketenangan kepada manusia yang hidup dalamnya.

Negara kita ini negara yang mengiktirafkan agama Islam sebagai agama rasminya. Oleh itu, saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil inisiatif, mengambil daya utama untuk memeriksa dan menyelidik sistem-sistem ekonomi dan politik yang ada dalam agama Islam kalau-kalau kita dapat memperolehi daripadanya satu sistem yang baharu, yang boleh menyelamatkan manusia dalam dunia ini daripada bencana yang dihasilkan daripada perbuatan tangannya sendiri.

Saya tidaklah mengajak atau menyeru Kerajaan untuk hendak mengislamkan orang yang bukan Islam, tetapi apa yang saya anjurkan supaya disemak, dikaji dan diteliti ajaran-ajaran yang ada dalam agama Islam itu. Barangkali di dalamnya akan terdapat sistem-sistem, peraturan-peraturan baharu yang boleh menjamin atau melahirkan masyarakat adil.

Saya menyebutkan perkara ini, Tuan Yang di Pertua, oleh kerana baharu-baharu ini kita telah terbaca dalam suratkhbar-suratkhbar tempatan bahawa Sekatariat Islam di Jeddah, yang Setiausaha Agungnya Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, bekas Perdana Menteri kita telah menghantarkan seorang pakar ke negeri kita ini untuk membincangkan soal penubuhan bank yang tidak berdasarkan kepada mengambil bunga kerana soal riba ini atau

bunga ini, adalah yang menjadikan punca kecelakaan ekonomi dunia pada hari ini.

Riba dengan surplus valuenya, inilah yang mengancam ketenteraman hidup manusia. Saya berharap kedatangan wakil daripada Sekatariat Islam itu akan kita dapat gunakan sepenuhnya bagi mengorak langkah yang pertama, mengkaji sistem-sistem yang ada dalam agama Islam. Mudah-mudahan kita akan dapat memetik daripadanya sesuatu yang dapat melahirkan masyarakat adil kerana walau bagaimanapun kita menangis pada hari ini, walau macammana kita hendak menunjukkan perasaan belas kasihan kita kepada rakyat dalam negeri kita ini, tetapi kalau sistem ekonomi yang ada dipakai dalam dunia ini masih berleluasa berkembang juga, inilah hasilnya; kita tidak akan dapat melahirkan masyarakat adil.

Tuan Yang di Pertua, saya telah mendengar sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Malaysia Timur yang telah bercakap dalam Dewan ini berkenaan dengan hal belanjawan ini.

Saya memuji Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Malaysia Timur yang telah membentangkan dalam Dewan ini masalah-masalah (problem) yang dihadapi oleh Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak, tetapi ada satu perhatian kecil yang saya suka sebutkan di sini iaitu kita dalam Dewan ini ingin mendengar rakan-rakan dan sahabat-sahabat kita Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Malaysia Timur supaya tidak menghadkan dirinya ataupun memagarkan dirinya dalam lingkungan Malaysia Timur sahaja, supaya tidak nampak semangat kedaerahan atau semangat kenegeriannya itu.

Kita ingin hendak mendengar sahabat-sahabat dan rakan-rakan kita daripada Malaysia Timur yang duduk dalam Dewan ini dapat memberikan pandangan-pandangan yang meliputi seluruh negara selain daripada perkara-perkara tempatan yang wajib dan mesti diperkatanya di dalam Dewan ini, kerana mereka itu telah dihantar ke mari untuk membincangkan kepentingan-kepentingan tempat yang mereka wakili.

Di sini, Tuan Yang di Pertua, saya tidak patut lupa menyentuh soal MAS yang telah menjadi heboh dalam Dewan ini dalam beberapa hari yang lalu. Satu perkara sahaja, Tuan Yang di Pertua, yang patut saya tegaskan di sini iaitu Kerajaan kita patut memikul tanggungjawab yang penuh berkenaan dengan

kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan yang telah kita saksikan apabila MAS dilancarkan pada permulaannya.

Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab mengatakan bahawa apa yang berlaku dalam masa permulaan perancangan MAS adalah teething trouble. Saya fikir, Tuan Yang di Pertua, kalau persediaan-persediaan telah dibuat daripada awal-awal lagi tentu teething trouble ini tidak akan timbul, kerana soal pemecahan MAS ini bukannya satu perkara yang datang mendadak. Saya bersetuju kalau perkara ini datang mendadak, datang dengan tiba-tiba, datang dengan mengejut, barangkali kita maafkan Menteri dan Kementerian ini daripada tanggungjawab dan kita terima excuse-nya mengatakan ini teething trouble, tetapi soal pemecahan ini sudah dibangkitkan bertahun-tahun lamanya. Apa yang dibuat oleh Kementerian dan Menteri yang berkenaan? Bila datang kelemahan-kelemahan, kekurangan-kekurangan dalam permulaan perancangan, "Oh! sorry, teething trouble". Tetapi bagaimanapun saya mengambil peluang ini iaitu teething trouble itu tidak mengambil masa yang lama. Keadaan pentadbiran MAS pada hari ini patut dibanggakan dan dipuji.

Tuan Yang di Pertua, saya mengutuk Ahli Yang Berhormat dari Datok Kramat yang telah cuba hendak mencacat dan mencederakan reputation sebuah Syarikat Pengangkutan Kebangsaan seperti MAS ini. Ini tidak patut timbul dan datang daripada seorang yang mengakui dirinya Malaysian dan duduk dalam Dewan ini menggunakan hak-haknya sebagai seorang Ahli Dewan ini mendatangkan tuduhan-tuduhan dan kritik-kritik yang boleh merosakkan image dan gambaran baik Syarikat Penerbangan Kebangsaan kita.

Saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Datok Kramat ini, tak tahu saya daripada mana parti datangnya, saya fikir rakan-rakannya yang seperti dengannya yang sama sebulu dengannya berasa malu dengan sikap dan kelakuan yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Datok Kramat itu.

Tuan Yang di Pertua, saya ingin hendak mengetahui daripada Menteri yang berkenaan yang di bawahnya duduk Jabatan Pelancungan. Saya tidak mahu hendak mengorik atau membongkar masalah-masalah

pelancungan ini, walaupun ada masalah-masalah yang saya boleh bangkitkan, tetapi ada satu masalah yang sangat menjolok mata. Kebetulan pula saya tiap-tiap hari, pagi petang, tengahari nampak perkara itu iaitu cable car di Bukit Nenas itu.

Semenjak Persidangan PATA dahulu perkara itu telah diadakan dan sampai hari ini cable car itu tergantung dengan tidak bergerak. Adakah salah daripada NEB atau dari mana saya tak tahu, tetapi ini satu masalah yang menjolok mata. Wang banyak telah digunakan untuk membuat persiapan ini dan dibuka secara besar-besaran waktu Persidangan PATA di sini, tetapi akhirnya dia terbengkalai untuk menjolok mata orang ramai. Saya berharap Kerajaan akan melihat perkara ini dan memerhatikannya dan dibuat pembetulan di mana-mana yang tak betul.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan radio dan talivisyen saya tidak hendak mengulas program atau rancangan-rancangan radio dan talivisyen, tetapi saya ingin menarik perhatian Kerajaan kerana nampaknya dunia sekarang makin maju dan dalam mana-mana dunia yang maju talivisyen berwarna (colour) ada.

Saya tak tahu, hendak mengadakan colour T.V. ini berapa perbelanjaan yang akan terlibat, tetapi saya fikir Kerajaan kita patut memikirkan dengan cara serious supaya kita dapat mengadakan colour T.V. bersesuaian dengan kemajuan negara kita yang tidak kurang daripada negara-negara lain dalam soal ini. Dan dengan mengadakan colour T.V., ini, saya fikir orang-orang kampung yang ada T.V. tak perlu menukar setnya, kerana set yang ada itu pun boleh dipakai terus.

Ini hanya akan melibatkan barangkali sedikit sahaja peruntukan daripada Kerajaan untuk menjadikan T.V. kita T.V. berwarna.

Tuan Yang di Pertua, baharu sebentar tadi Dewan ini telah mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara yang menyebutkan berkenaan dengan sikap negara kita terhadap Republik Rakyat Cina Komunis. Saya sendiri hairan bila mendengarkan Ahli Yang Berhormat ini bercakap dalam masalah ini, kerana dalam Dewan ini sahaja soal sikap Kerajaan terhadap Republik Rakyat Cina Komunis telah berulang-ulang kali dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya tak fikir Ahli Yang Berhormat itu tidak faham penjelasan-penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan perkara ini.

Seperkara lagi yang saya ingin menarik perhatian Kerajaan kita, Tuan Yang di Pertua, ialah seolah-olah dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat itu kita ini sengaja hendak bermusuhan dengan Republik Rakyat Cina Komunis. Pada hal sebagaimana yang kita ketahui sikap Kerajaan kita pada keseluruhannya atau dasar luar kita ialah hendak bersahabat dengan semua negara yang sanggup menghormati kedaulatan dan keturunan bangsa kita. Jadi soal hendak bersahabat atau tak bersahabat, saya fikir masalaah itu tidaklah timbul samasekali.

Berkenaan dengan soal hendak mengadakan perhubungan diplomatik, itu adalah satu masalaah yang lain yang akan ditentukan oleh sesebuah negara bagi sesebuah Kerajaan, mengikut kepentingan-kepentingan negara itu sendiri.

Itulah sahaja, Tuan Yang di Pertua. Terima kasih.

Datuk Khoo Peng Loong (Bandar Sibn):

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I would like to make some observations on the Budget and the Development Estimates for 1973. By the variation of the abatement rate of 20% to 10% on the income tax in East Malaysia, the taxpayer in East Malaysia will have to pay 10% more again on their taxable income. The abatement rate of 30% was reduced to 20% in East Malaysia only less than two years ago. In my opinion, Sir, this abatement of another 10% has come too soon. I wish to point out that we in East Malaysia, especially Sarawak, cannot say that we are on equal footing with West Malaysia. We do not have the facilities and privileges enjoyed by those living in West Malaysia. We are still in want of good health and medical services and good airports. We still do not have T.V. in our State. Taking all these into consideration, Sir, I think that only allowing 10% rebate on our taxable income is too high for us to pay. Therefore, I would urge the Honourable Minister of Finance to study the whole position and not implement the increase of another 10% to our taxable income so soon.

The burden of the taxpayers in Sarawak is much worse than that of their counterparts in the other States of Malaysia.

Mr Speaker, Sir, according to the Honourable Minister of Finance's Budget speech, many things have been increased in duty, such as butter, petrol and petroleum products in Sarawak and preserved fruits, fresh fruits and nearly all imported goods and manufactured goods throughout Malaysia. Sir with all these tax increases, the wage earners in Sarawak will be very hard-hit. In the Third Division in Sarawak, Sir, the security position is still tense and the economic state of the rural people is at its lowest point. Therefore, with these increases in the prices of foodstuffs and manufactured goods, they will find it very hard to meet the high cost of living which, without these increases, is already very high.

Mr Speaker, Sir, since Sarawak joined Malaysia in 1963, there never was a year when duties were not increased. These increases in duties are helping the rich to get richer and the poor, poorer. Why I say the rich is getting richer is because when duties were increased, the shopkeepers who have had a few hundred thousands worth of stocks in their shops will have derived some tens of thousands of profit added to these goods. So in 9 years' time, their profits from increased duties will have fetched more than \$100,000. But the poor man has to suffer by having to pay more for essential commodities and other types of goods. Take, for example, Sir, these two essential commodities. Sugar was sold at 25c per kati in 1963 but now it is sold at 65c per kati; and evaporated milk was sold at \$28 per case in 1963 but now it is \$40 per case.

Sir, the shipbuilding industry in Sarawak is just about to expand but if import duty on diesel engines is increased and added, this industry will be retarded and the expansion will not take place as expected. Maybe the small shipbuilding yards will have to cease operations and deprive all the workers of their employment.

Mr Speaker, Sir, jobs are very difficult to find in Sibn and for one vacancy advertised in the newspapers, we find a few

hundred applications. Unless the Government creates more jobs for the school-leavers, the situation will be very serious in another few years' time.

Mr Speaker, Sir, I see in the Second Malaysia Plan that Sibu is to get a new airport where Boeing 737 can land. We are about to begin 1973 and unless a crash programme is put up, the new airport in Sibu may not materialise.

I also see that there is no extension in the Sibu hospital. For nearly 10 years, we have had 8 first-class wards and now we also have 8 first-class wards. But the population in Sibu has increased from 29,000 in 1961 to 51,000 in 1971. We hear of a new hospital. When will it be built? This is a question on the lips of most people in Sibu.

Mr Speaker, Sir, in the Second Malaysia Plan there are many new projects to be carried out in Sarawak, including the Third Division of Sarawak, and I would urge the Government to expedite the implementation of these projects so that more employment could be created for the school-leavers and jobless persons.

Tan Sri Datuk Haji Mohammad Said bin Keruak (Kota Belud): Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana telah menyediakan Belanjawan bagi tahun 1973.

Di samping itu pula, saya suka menyokong dengan sepenuhnya atas ulasan yang mana telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada hari kelmarin, 13hb Disember terhadap Belanjawan Pusat bagi tahun, 1973, yang bersangkutan dengan negeri Sabah. Dan juga saya mengucapkan banyak terima kasih atas cadangan-cadangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara minta supaya Ahli-ahli dari Sabah ataupun dari Sarawak tidak berdiam diri dalam Dewan ini, maka dengan itu, saya ucapkan terima kasih atas cadangan-nya yang begitu murni.

Tuan Yang di Pertua, sungguhpun begitu saya suka membuat serba sedikit ulasan lagi tentang Belanjawan tersebut, sejauh mana yang bersangkutan dengan negeri Sabah. Sabah adalah jauh daripada Malaysia Barat dan oleh yang demikian ada kalanya didapati perasaan bahawa keadaan dan kedudukan di

negeri-negeri di Malaysia Timur mungkin tidak disedari dengan sepenuhnya di Malaysia Barat.

Kebanyakan daripada cukai-cukai yang terkandung dalam Belanjawan itu menimbulkan akibat yang lebih hibat terhadap rakyat di Sabah daripada di Malaysia Barat.

Menyentuh kepada satu atau dua perkara, maka kenaikan cukai-cukai impot yang dimaksudkan untuk melindungi pengeluaran-pengeluaran tempatan dan perbuatan tempatan mungkin tidak menimbulkan akibat yang serious terhadap rakyat jelata di Malaysia Barat. Oleh kerana kenyataan pengeluaran tempatan dapat diperolehi untuk menemui keperluan. Akan tetapi keadaan di Sabah adalah berlainan sebenarnya. Meskipun sesungguhnya-galakan diberi kepada pengeluaran-pengeluaran tempatan namun didapati banyak kekurangan dalam beberapa barang dari Sabah masih bersandar ke atas kemasukkan daripada luar negeri untuk menemui keperluan orang ramai.

Di Sabah didapati tidak banyak kemudahan-kemudahan bagi pengeluaran barang-barang buatan dengan harga barang-barang yang dimasukkan dari Malaysia Barat adalah terlalu tinggi daripada harganya di Malaysia Barat. Misalnya, motokar, biasanya, Tuan Yang di Pertua, yang di pasang di Malaysia Barat apabila dijual di Sabah berharga hingga \$2,000 lebih daripada di Malaysia Barat. Ini adalah disebabkan oleh tambang kapal, bayaran-bayaran urusan insuran dan lain-lainnya, yang dikenakan dalam pembekalan barang-barang tersebut ke pasaran di Sabah. Oleh yang demikian, nyatalah bahawa penolakan cukai-cukai lindungan itu membawa akibat-akibat terhadap rakyat di Sabah. Bermakna mereka adalah serba-serbi dipinta memberi sumbangan kepada harga perindustrian di Malaysia Barat.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di Pertua, nampaknya adalah perlu untuk mengkaji semula konsep Pasaran Bersama di dalam Malaysia. Konsep Pasaran Bersama ini bermakna seluruh kawasan itu diliputi oleh hanya satu sahaja struktur harga iaitu pengguna-pengguna dan pemakai-pemakai di mana-mana sahaja mereka akan membayar harga yang sama ataupun sedekat-dekatnya sama bagi barang yang sama. Jika konsep Pasaran Bersama dan struktur harga yang sama di seluruh kawasan Pasaran Bersama

itu tidak dapat diprektikkan oleh kerana sesuatu alasan, maka adalah patut bahawa kenalan khas diberi kepada keadaan-keadaan ini dalam pelaksanaan perubahan-perubahan cukai yang ada sangkut-paut dengan negeri-negeri di Malaysia Timur.

Pertimbangan harus juga diberi ke atas soal ada atau tidaknya barang-barang yang dikeluarkan itu di seluruh kawasan pasaran bersama itu. Seringkali didapati barang-barang yang dikeluarkan di Malaysia Barat tidak mencukupi dan penggunaan di Sabah kerap kali terpaksa membayar harga yang lebih mahal supaya mendapat barang-barang yang diperlukan itu daripada sumber-sumber yang lain. Tempoh hantaran bagi pembekalan barang-barang ke tempat-tempat yang jauh di kawasan Pasaran Bersama itu ialah satu lagi faktor yang harus difikirkan dan beberapa kali tempoh penghantaran itu tetap penting kepada pengguna atau pemakai sama dengan harga.

Penyelarasan struktur cukai mestilah mengirakan faktor-faktor tersebut dan di mana keperluan pengguna-pengguna di negeri Malaysia Timur tidak dapat ditemui dengan syarat-syarat yang sama seperti di Malaysia Barat. Termasuklah soal ada atau tidaknya barang-barang itu serta tempoh-tempoh pengantarnya, maka langkah-langkah ke arah penyelarasan cukai-cukai patutlah dilaksanakan secara lambat-lambatan sejajar dengan persamaan antara Malaysia Barat dan Timur dari segi harga. Soal ada atau tidak barang-barang itu dihantar adalah satu soal lain.

Tuan Yang di Pertua, ini adalah beberapa cara bagaimana Belanjawan Persekutuan itu akan menimbulkan implikasi-implikasi yang serious terhadap rakyat di Sabah dan saya merayu supaya kedudukan dan keadaan di Malaysia Timur disedari dengan lebih berat dalam pelaksanaan perubahan-perubahan yang terkandung dalam Belanjawan tersebut.

Tuan Yang di Pertua, sudah beberapa tahun kesedaran telah muncul di Sabah terhadap betapa tingginya harga hidup di negeri itu dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tahu yang Sabah adalah sedar atas perbezaan harga barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan di Sabah berbanding dengan barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang di Malaysia Barat. Oleh kerana keperluan mengelakkan akibat yang tidak baik, maka sudah beberapa tahun cukai-cukai negeri telah tidak di-

takluk di Sabah, walaupun belanjawan negeri mengandungi kemerusutan dari tahun demi ke tahun.

Pengeluaran cukai jualan awal tahun ini tetap telah menimbulkan akibat terhadap belanja hidup di Sabah dan perubahan-perubahan belanjawan baharu-baharu ini akan lagi menimbulkan kerumitan bagi negeri Sabah.

Dalam tempoh yang sama yang mana rakyat di Sabah menghadapi kemungkinan kenaikan belanja hidup, maka mereka dikehendaki membayar cukai pendapatan dengan kadar yang lebih tinggi disebabkan penarikan iaitu rebate 10% yang telah diberi kepada negeri-negeri Malaysia Timur.

Sebelum belanjawan tahun 1970, Tuan Yang di Pertua, rebate ataupun cukai pendapatan bagi pembayar-pembayar cukai di Malaysia Timur adalah 30%. Ini telah diturunkan kepada 20% sewaktu belanjawan tahun 1970 dan sekarang pula telah diturunkan kepada 10% lagi dalam belanjawan tahun ini. Dengan keadaan di Sabah, maka adalah dirasai bahawa penyelarasan structure cukai antara Malaysia Barat dan Timur sedang dijalankan terlalu cepat.

Negeri-negeri Malaysia Timur adalah berpuluh-puluh tahun ketinggalan di belakang Malaysia Barat dari segi pembangunan dan kemajuan serta kemudahan-kemudahan yang ada. Masa yang perlu supaya Sabah dapat dianggap telah mencapai tingkat kemajuan yang sama dengan di Malaysia Barat sekarang. Akan tetapi meliputi sekurang-kurangnya satu jenerasi lagi. Sebagaimana yang saya katakan sudahpun lima tahun tidak adanya perubahan kepada perkara cukai negeri, akan tetapi hasil Persekutuan yang diperolehi dari Sabah telahpun bertambah dengan besarnya dalam beberapa tahun yang lalu.

Berjuta-juta ringgit wang negeri telah dibelanjakan bagi projek-projek pembangunan di Sabah yang tidak satupun akan mengeluarkan hasil negeri yang besar. Akan tetapi yang mana akan tetap mengakibatkan kenaikan besar kepada jumlah-jumlah hasil Persekutuan yang diperolehi dari cukai pendapatan, cukai kastam dan lain-lain lagi di Sabah.

Tuan Yang di Pertua, sumber-sumber hasil bagi Kerajaan-kerajaan Negeri adalah amat terhad. Dan oleh hal yang demikian

adalah dirasakan bahawa semua aspek pembahagian hasil antara Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Persekutuan perlu diberi perhatian yang lebih berat yang melibatkan konsep baharu terhadap peraturan-peraturan kewangan dan pembahagian hasil masing-masing.

Tuan Yang di Pertua, saya merasai bahawa implikasi-implikasi, cadangan-cadangan terkandung di dalam belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tidaklah memberi pertimbangan yang sepenh terhadap kedudukan dan keadaan di Sabah dan oleh yang demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri itu supaya mengambil perhatian yang lebih halus terhadap kedudukan dan keadaan, di bawah manakah rakyat negeri Sabah hidup.

Konsep perpaduan dari Malaysia amat kuat diamalkan di Sabah. Tetapi walaupun bagaimanapun beban-beban sepatutnya ditanggung serentak dan daya upaya haruslah dibahagikan dengan memuaskan iaitu khasnya disesuaikan dengan kewangan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di Pertua, saya juga turut membahaskan ucapan di atas cadangan belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6hb Disember yang lalu.

Tuan Yang di Pertua, terutama sekali saya ingin menyatakan bahawa sepatutnya Menteri Kewangan sebagai Pemimpin Nasional kita di Malaysia ini yang setaraf dengan Pemimpin Nasional yang lain dalam mengemukakan ucapan belanjawannya haruslah dengan penggunaan Bahasa Malaysia.

Sebagai menyambung dalam membicarakan hal yang tersebut, saya rasa gembira dan bercampur dengan perasaan dukacita ketika mendengar ucapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika membentangkan belanjawan dan hasil negara bagi tahun 1972 dan anggaran bagi tahun 1973.

Kegembiraan saya ialah tentang adanya perubahan di dalam bentuk Keluaran Negara Kasar (KNK) kita yang telah bertambah 5.8% daripada \$12,194 juta dalam tahun 1971 kepada \$12,900 juta dalam tahun 1972, walaupun keadaan eksport negara kita berada dalam keadaan yang

tidak berkembang dan harga pasaran dunia yang lebih rendah dalam penerimaan barang-barang pengeluaran kita. Nampaknya Menteri Kewangan lebih optimis bahawa KNK dalam tahun 1973 yang akan datang akan lebih bertambah sehingga 8 atau 9%. Kalaulah ini berjaya, maka saya adalah seorang yang akan mengalu-alukan di atas kejayaan itu.

Satu perkara yang mengembirakan saya ialah kedudukan KNK kita dalam tahun 1972 telah berubah di mana sektor perkilangan telah meningkat daripada 9% kepada 15% berbanding dengan sektor pertanian yang telah merosot daripada 37% kepada 25% sahaja.

Kedukacitaan saya ialah tentang merosotnya hasil eksport kita daripada bahan-bahan mentah khasnya getah. Nilai eksport getah Malaysia pada tahun 1972 adalah 35% lebih rendah daripada nilai eksport tahun 1969. Inipun nampaknya setelah usaha-usaha giat dilakukan oleh Kerajaan bagi meluaskan pasaran barang-barang eksport kita sehingga satu pertiga daripadanya adalah dihantar kepada negara-negara yang ekonominya dirancang, seperti Russia, Cina dan lain-lain. Tetapi nampaknya pembelian itu tidak begitu mantap dan saya mengharapkan agar Kerajaan mengambil perhatian hal ini supaya pembeliannya di masa yang akan datang akan lebih kekal dan mantap.

Walaupun saya merasa gembira dengan ramalan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu bahawa keadaan getah dalam tahun 1973 adalah cerah berdasarkan kos pengeluaran getah tiruan adalah tinggi dan ditambah dengan penggunaannya adalah mendatangkan masalah kekotoran alam. Tetapi hendaklah kita ingat bahawa sesungguhnya negara-negara yang menjadi pembuat getah tiruan itu adalah terdiri dari negara-negara yang maju dan sudah meningkat dalam bidang sains dan teknologinya. Maka hendaklah diingat kemungkinan kedua-dua masalah ini akan dapat diatasi oleh negeri-negeri yang mengeluarkan getah tiruan dengan bermacam-macam rekaan sains yang akan boleh menghilangkannya.

Kalaulah ini dijayakan oleh mereka, maka harapan kita terhadap getah asli akan termusnah juga, dan untuk mendapat hasil yang lebih banyak daripada getah asli tidak akan tercapai.

Tuan Yang di Pertua, saya fikir Kerajaan harus menjalankan usaha yang lebih giat lagi di masa yang akan datang dalam menghadapi masa-masa ini.

Saya sedar di bawah Kementerian Perusahaan Utama banyak rancangan-rancangan sedang disusun bagi mengatasi masalah getah, tetapi saya fikir mahu tidak mahu masalah besar getah adalah bergantung kepada keadaan luar negeri. Misalnya selama ini kita menekankan usaha mengeluarkan getah yang baik seperti RSS Nombor Satu, tetapi kita nampak lebih banyak negara-negara yang suka membeli getah nombor tiga. Mungkin kerana pandangan negara-negara ini pembelian yang seperti itu adalah mendatangkan keuntungan lebih banyak kepada mereka. Sempurna dengan ini, suka saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya pengkajian harus dijalankan lebih giat lagi agar kita dapat memproses lebih banyak getah di negeri ini bagi menjadikannya sebagai mata-benda yang boleh kita eksport ke luar negeri dan tidak lagi kita eksport bahan mentah semata-mata.

Tuan Yang di Pertua, sepatutnya usaha memproses getah kepada barang-barang seperti perabot rumah, alat-alat kegunaan harian manusia seperti tikar, tupi, payung dan sebagainya harus diusahakan sekarang. Sebab kita mempunyai kewangan yang berpadanan bagi pengkajian seperti ini. Dan negara kita pun sedang meningkat ke arah negara perindustrian dan kegiatan kita dalam sektor ini akan meningkat 19% pada tahun 1973 bagaimana yang telah ditegaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Berkaitan dengan masalah bijih, saya nampak anggaran pengeluaran bijih timah akan bertambah pada tahun 1973 kepada 89,000 tan setelah dibuat perkiraan berse di mana dianggarkan 915 juta akan diperolehi, tetapi keadaan sebenarnya masih belum jelas di masa hadapan memandangkan harga bijih yang tidak begitu tetap. Patutlah diambil perhatian tentang bijih ini khasnya bijih besi di mana kita telah cukup kurang mengeluarkannya dan dianggarkan 1.2 million sahaja akan dihasilkan dalam tahun 1973. Ini disebabkan oleh tertutupnya lombong bijih besi pada tahun 1970 di Dungun, Trengganu dan Rompin, Pahang.

Saya berpendapat bahawa usaha mencari bijih besi ini harus dijalankan semula agar

kita dapat mengeluarkannya di masa yang akan datang. Misalnya mengikut apa yang saya tahu di Dungun di tempat bijih besi itu ditutup bahawa keadaan bijih besi masih ada dan boleh dikerjakan asalkan ada syarikat yang sanggup untuk membukanya. Cuma kepada syarikat yang telah membukanya di masa yang lalu tidak sanggup kerana sudah tidak ekonomik lagi berbanding dengan cara-cara Syarikat EMMCO menjalankan perusahaannya di situ, baik dari segi gaji, misin dan sebagainya yang kita anggap adalah paling tinggi dalam Malaysia.

Saya fikir, kalau Kerajaan membuat usaha-usaha mengajak syarikat-syarikat luar negeri datang membukanya semula dengan cara bekerjasama dengan Kerajaan harus ada syarikat yang mahu khasnya syarikat-syarikat pengusaha bijih besi dari negeri Jepun yang terkenal dengan kemahirannya itu. Kerana mereka adalah berminat benar dalam hal ini bukan hanya sebagai pembeli, tetapi sebagai pengusaha kilang sendiri. Saya nampak selama ini Kerajaan Pusat tidak mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh dari segi ini nampaknya lebih banyak difikirkan oleh Kerajaan Negeri semata-mata. Saya syorkan supaya usaha ini jangan dibiarkan begitu sahaja bahkan benar-benar diambil perhatian bagi mendatangkan hasil kepada negara kita.

Tuan Yang di Pertua, adapun masalah minyak kelapa sawit ini nampaknya menuju ke arah nasib yang sama juga seperti getah di mana sekarang harganya makin menurun sehingga kepada angka 500 ringgit sahaja setan. Saya berpendapat bahawa bidang ini harus dikaji agar kita tidak akan terus rugi. Sepatutnya badan-badan Kerajaan yang berkaitan dengan penyiasatan seperti NISIR ataupun sebagainya bolehlah mengkaji untuk membuat sesuatu yang berguna daripada minyak kelapa sawit supaya kita dapat mengeluarkan bahan-bahan yang telah diproses dan menjadikan eksport kita itu adalah bukan daripada bahan mentah ataupun hanya minyak semata-mata. Saya rasa kalau ini dapat dibuat dan dapat dijalankan insya Allah negara kita akan beruntung dan mendatangkan hasil yang lebih baik.

Tuan Yang di Pertua, nampaknya dalam tahun 1972 permintaan sektor awam menyebabkan Kerajaan terpaksa membelanjakan lebih daripada 50% jika dibandingkan dalam masa tiga tahun yang lalu dan ini

mengikut kata yang Berhormat Menteri Kewangan amat membimbangkan sekali. Saya rasa, saya pun juga turut bimbang, kerana kalau belanja bertambah banyak, bertambah setiap masa, ini pun susah dari sudut kewangan kita.

Saya tidak tahu apakah ini disebabkan kenaikan gaji, apakah ini disebabkan oleh belanja-belanja pengurusan yang lain terlampau banyak dan ditambah dari setiap masa tidak diketahui dan Menteri Kewangan ataupun Kementerian Kewangan adalah lebih arif dalam hal ini.

Tuan Yang di Pertua, cara yang telah kita jalankan di masa yang lalu sepatutnya dalam hal ini harus menjadi pengajaran kita supaya belanja pengurusan dan kenaikan-kenaikan gaji harus diawasi, harus dipandang dari sudut kelayakan kita. Jangan kerana hendak menunjukkan Kerajaan kita ini adalah baik, maka segala gaji-gaji orang-orang yang terlibat yang memohon dalam hal ini terus dinaikkan, apalagi kalau tuntutan itu datang-nya dari gulungan-gulungan yang lebih rapat kepada pihak Kerajaan.

Patutlah kita sedar bahawa kantung kewangan negara kita semakin sehari semakin kosong hatta dalam menyelesaikan belanja pengurusan pun terpaksa kita mengalami kekurangan setiap tahun, apa lagi kalau kita pandang dari sudut belanja pembangunan. Nampaknya dari segi itu langsung kita tidak ada wang. Semuanya belanja yang kita uruskan untuk pembangunan adalah hasil dari pinjaman-pinjaman dari berbagai punca, mujur juga Kerajaan kita ini ada orang yang hendak beri pinjam wang. Nampaknya kita berniaga, bak kata orang modal atas angin, wang kita tidak ada, pinjam wang orang untuk maksud itu. Ini pun kata orang sekarang, tidak ada apakah asalkan kita boleh berniaga, asalkan boleh dapat untung. Tetapi harus kita awasi wang orang mesti dibayar dan sekarang kita terpaksa membayar bunga lebih kurang \$430 juta belanja tahunan untuk maksud yang tersebut. Nanti saya bimbang, Tuan Yang di Pertua, lama-lama kita akan jadi manusia yang banyak hutang dan terjadilah anak lebih besar daripada ibu dalam hal ini.

Tuan Yang di Pertua, dalam masaalah pelaburan modal, maka perkembangannya mengikut kata Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak begitu rancak pada tahun yang lalu, kecuali pelaburan oleh usaha

pembinaan dan perusahaan barang yang kekal dan mewah seperti motokar, talivisyen dan sebagainya, sedangkan perusahaan kain dan makanan adalah berkurangan, tambahan pula cost kedua-dua di bidang ini adalah mahal.

Saya nampak bahawa ini adalah keadaan yang kurang sempurna, kerana keadaan kelajuan dalam bidang perusahaan kereta menunjukkan curahan wang daripada Kerajaan kepada orang yang berkenaan dalam mendapatkan wang lebih banyak, sedangkan ada di tempat-tempat yang lain ramai manusia daripada rakyat kita yang cukup menderita akibat kesukahan hidup, dengan sebab segala barang-barang ini adalah mahal dan pendapatan mereka adalah rendah, maka mereka tidak dapat mengimbangkan antara pendapatan dan perbelanjaan.

Tuan Yang di Pertua, saya suka menyentuh dalam masaalah beras. Masaalah beras ini, saya lihat Kerajaan ada berasa bimbang dengan pengeluaran yang makin bertambah sedangkan apa yang kita hajat ialah mencukupi 90% daripada jumlah keperluan negara. Dengan sebab harga beras, kata Yang Berhormat Menteri Kewangan, di dalam negara adalah lebih mahal iaitu \$430 satu tan sedangkan harga beras di pasaran dunia \$330 sahaja. Ini ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu. Saya fikir walau apa pun keadaan yang berlaku, tetapi tidaklah dapat dinafikan bahawa negara kita adalah negara pertanian bahawa negara kita adalah negara agraria, kejadian alam kita adalah sesuai untuk tanaman pertanian khususnya padi. Kerana, Tuan Yang di Pertua, di Malaysia ada seluas 37.9 juta dan daripada jumlah 81.4 juta ekar yang sesuai untuk pertanian dari semua perkara.

Saya fikir memaksakan kita hanya mengeluarkan padi sebanyak 90% daripada keperluan negara adalah tidak begitu menasabah. Sehingga sekarang, Tuan Yang di Pertua, kita masih mengimpot beras sebanyak 330,000 tan mengikut tahun 1970—kenapa begitu. Sedangkan sebenarnya di saat-saat yang akhir ini harga beras di pasaran dunia pun sudah meningkat sebanyak 20%, kalau dibandingkan kepada setengah-setengah negara yang masih mengalami krisis padi dan beras saya fikir harganya akan lebih naik di masa hadapan.

Tuan Yang di Pertua, dalam beberapa hari ini kita telah membaca suratkhbar

yang masih panas-panas menyiarkan berita bahawa krisis beras di Indonesia semakin meruncing. Sepatutnya kita sebagai sebuah negara jiran yang paling hampir memandang hal ini dengan insaf.

Saya tahu baru-baru ini kita ada menghantar sedikit sebanyak bantuan beras ke Indonesia. Saya sebagai seorang rakyat Malaysia mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam masaalah ini dan juga kepada orang yang terlibat dalam beras iaitu Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam.

Tuan Yang di Pertua, yang menjadi pertanyaan dalam fikiran saya apakah penghantaran beras Kerajaan ini dapat menyelesaikan krisis beras di Indonesia, nampaknya tidak. Kalau kita hendak hantar lebih banyak pun, saya rasa tentu tidak dapat, kerana beras negara kita tidak mencukupi, keperluan negara pun hanya untuk 90% sahaja.

Saya berpendapat adalah lebih baik kita berusaha dengan apa cara sekali pun supaya cost pengeluaran padi dan beras menjadi lebih murah. Saya menekankan iaitu cost pengeluaran padi dan beras supaya menjadi lebih murah. Kerana apakala cost pengeluaran padi dan beras menjadi lebih murah maka harga pasaran dalam negeri pun murah dan membolehkan kita mengeksport keluar negeri dengan tidak menyulitkan kaum-kaum tani kita sendiri. Usaha permodenan harus dilakukan segera oleh Kerajaan kita. Kalau di negeri-negeri lain usaha penanaman jagung dan padi boleh dijalankan dengan mesin dan negara itu boleh mengeksport barang-barang tersebut, sedangkan di negara kita ini masih penggunaannya adalah dengan cara tradisi lagi, cuma yang berubah di setengah-tengah tempat ialah daripada menggunakan kerbau kepada tractor, masih tidak ada mesin menuai dan sebagainya daripada alat-alat yang moden dalam memproses padi. Oleh itu, hal ini harus mendapat perhatian daripada pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai yang bertanggungjawab dalam hal ekonomi dan Kerajaan kita yang dikasih ini.

Tuan Yang di Pertua, berkaitan dengan hal padi juga, maka saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengadakan sedikit perubahan yang lain. Sekarang kita dapati banyak sawah kita di tanam dengan

padi. Saya fikir, Kerajaan harus menggalakkan tempat-tempat yang masih tidak ada paya untuk padi, sedangkan di kawasan itu sesuai untuk tanaman padi, agar rakyat di situ membuka sawah dan sebagainya dan diberi bantuan dan kemudahan oleh pihak Kerajaan samada parit dan taliair dan sebagainya.

Sebaliknya di kawasan-kawasan yang telah lama bertanam padi harus dipinda dengan menyuruh petani-petani itu dengan bertanam bawang dan sebaik-baiknya diberi bantuan dan galakkan. Sebab setahu saya sekarang pun kita masih mengimpot bawang daripada luar negeri dan setahu saya bawang adalah sesuai benar dengan tanah sawah demikian juga tembakau sebagaimana yang dikatakan oleh beberapa orang sahabat saya di masa yang lalu.

Tuan Yang di Pertua, saya ingin mengulas sedikit dalam masaalah gula. Nampaknya kita masih mengimpot gula mentah dari luar negeri. \$6.4 juta duty import dari gula kita dapati. Sepatutnya keadaan menjadi terbalik di mana kita perlu menjadikan duty import gula kepada duty export gula. Dengan sebab tanah negeri kita luas yang masih kosong dan sesuai untuk tanaman tebu. Dalam hal ini, saya berasa dukacita sedikit, kerana sudah lama kita mendengar gambar-gambar dengan tananam tebu, malahan kilang gula pun sudah didirikan di Malaysia.

Perbadanan-perbadanan Negeri kononnya ada membuka ladang-ladang tebu, LKTP juga membuka ladang-ladang tebu. Tetapi entah bagaimana sehingga ini masih banyak kita mengimpot gula mentah untuk keperluan kilang kita di negeri ini. Apakah tebu di Malaysia tidak ada air atau memang sebenarnya tebu masih belum ditanam lagi? Setahu saya umur tebu boleh dipotong hanya 8 bulan sahaja, katakanlah setahun. Sekarang sejak Rancangan Malaysia Kedua berjalan masa sudah mahu menuju kepada tahun yang ketiga, tetapi tebu masih tidak berair. Saya harap hal ini harus diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di Pertua, dalam masaalah perusahaan perikanan mengikut kata Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak begitu berkembang, walaupun pengeluarannya telah bertambah menjadi 335,000 tan dalam tahun 1972 dan tangkapan itu adalah 35% daripada pukut-pukat tunda.

Nampaknya Menteri Kewangan memandang ke arah Pantai Timur, di mana kaum nelayan adalah terlampau rendah pendapatannya. Kata Menteri Kewangan \$60.00 sebulan sahaja pendapatan mereka dan jaminan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Perbendaharaan menyediakan wang bagi memodenkan tangkapan ikan di Pantai Timur yang masih berada secara tradisi itu.

Dalam hal ini, saya mengalu-alukan jaminan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga daripada Perbendaharaan terhadap nasib nelayan di Pantai Timur, khasnya di Trengganu, tetapi, Tuan Yang di Pertua, pemodenan terhadap nelayan di sana jika mahu dilaksanakan harus benar-benar bersendikan keadaan tempatan. Kerajaan boleh mengadakan ataupun mengeluarkan lesen pukut tunda untuk memukat di lautan dalam, tetapi kajian harus dibuat supaya tidak teraniaya nelayan-nelayan yang miskin, yang benar-benar tidak mampu untuk membeli pukut tunda atau memasuki syarikat membeli pukut tunda.

Tuan Yang di Pertua, saya dengar ada sedikit sebanyak rancangan untuk penghantaran pukut tunda ini daripada Pantai Barat ke Pantai-pantai Timur. Tuan Yang di Pertua, saya tidak tahu, tetapi apa yang saya dengar lebih kurang, bahawa pukut tunda yang telah dipakai di Pantai Barat dihantarkan ke Pantai Timur kepada Persatuan-persatuan Nelayan ataupun Syarikat-syarikat Nelayan.

Saya tidak tahu apakah polisi Kementerian, tetapi kalaulah kira-kira membeli ataupun membawa barang yang sudah dipakai tentulah tidak baik; kalau membeli kereta second-hand tentulah selalu rosak dan saya fikir bukan setakat itu sahaja, tentu ada commission yang dibagikan kepada tuan-tuan punya pukut tunda di Pantai Barat. Kalaulah benar begitu, maka saya rasa kaum nelayan di Pantai Timur tidak lepas daripada hanya menjadi pekerja kepada tokey-tokey dan tuan-tuan punya syarikat pukut tunda yang berada di Pantai Barat yang menghantarkan barang-barangnya ke Pantai Timur untuk memungkah harta kekayaan di sana dan penghasilannya mereka akan mendapat lebih banyak daripada nelayan itu sendiri.

Tuan Yang di Pertua, bersabit dengan hal perikanan maka saya suka menyentuh tentang bantuan-bantuan subsidi yang telah diberikan oleh Kementerian baharu-baharu ini dalam pembahagian-pembahagian yang dinamakan imbohan ataupun bantuan daripada Kementerian ini. Apa yang saya ingin tekankan ialah tentang bantuan itu kurang memuaskan dengan sebab ada ter-nampak kejadian pilih kawasan. Misalnya, kawasan saya yang sebahagian besar daripada penduduknya adalah terdiri daripada nelayan tidak begitu banyak mendapat bantuan, walaupun ada di antara mereka yang telah membuat motor ataupun kulit motor kerana kononnya injinnya akan diberikan oleh pihak Kementerian, tetapi hasiinya injin tidak dapat dan yang banyak diperolehi ialah di kawasan lain, iaitu kawasan yang dinamakan di kawasan Batu Rakit, di mana seorang sahabat saya yang kebetulan menjadi Menteri Besar Trengganu sekarang ini, iaitu mewakili kawasan tersebut. Hal ini harus diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan agar perasaan kita tidak akan terjejas dan perasaan orang ramai tidak akan tersinggung dengan hal tersebut.

Tuan Yang di Pertua, menyambung hal nelayan ini saya ingin menyebut tentang ancaman nelayan asing kepada nelayan kita di Pantai Timur. Saya rasa semua orang tahu sebab suratkhbar selalu menyiarkan berita-berita itu. Tidaklah dapat dinafikan bahawa ancaman-ancaman ini bukan sahaja disebabkan oleh nelayan-nelayan kita berada di kawasan kita, tetapi ada nelayan kita yang pergi jauh di lautan antarabangsa untuk mencari ikan dan di sinilah selalu menjadi perbalahan antara nelayan Malaysia dan nelayan asing.

Tuan Yang di Pertua, saya nampak hal ini cukup sulit bagi kita mengatasinya. Hendak menangkap sudah tentu tidak dapat. Hendak menangkap nelayan asing yang berada di laut antarabangsa sudah tentu tidak boleh kerana bukan hak kita, hendak melarang nelayan kita pergi mencari rezki di laut antarabangsa pun tidak dapat, kerana laut kita yang hanya, katakanlah, seluas sepanjang 12 batu tidak cukup dengan mesin-mesin besar, dengan motor-motor besar dan alat-alat besar yang ada di masa ini. Kedua-dua masaalah itu sulit belaka. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan agar Kerajaan melalui apa-apa

Kementerian sekalipun supaya memanggil persidangan negara-negara yang berkaitan untuk membincangkan masaalah laut dan nelayan. Antara negara-negara yang terlibat ialah Singapura, Philipina, Thailand, Vietnam, Formosa, Indonesia dan sebagainya.

Di sini harus ditekankan tentang keperluan bekerjasama antara semua negara dalam masaalah perikanan di laut antara-bangsa, kerana kesemua nelayan negara negara tersebut ada terlibat. Kita tidak mahu menyalahkan mereka dan mereka janganlah menyalahkan kita. Nelayan kita mencari ikan janganlah mereka diancam dan nelayan kita memang tidak berniat untuk mengancam orang lain.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada itu, memandang kepada perkara yang lain, iaitu di dalam Anggaran Belanjawan Tahun 1973 ini kita nampak keperluan yang dikehendaki ialah \$4,642,000,000 sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Perintah 58/72 yang dibahagikan kepada sebanyak \$3,155,000,000 untuk perbelanjaan Mengurus, manakala \$1,487,000,000 ialah untuk Perbelanjaan Pembangunan, termasuk \$60,000,000 diperuntukkan bagi simpanan luar jangka. Jika dikira belanja mengurus sebanyak \$3,155,000,000 berbanding dengan anggaran hasil tahun 1973 yang berjumlah \$2,887,000,000 maka bererti negara kita kekurangan sebanyak \$268,000,000. Begitu juga apabila kita hitung belanja pembangunan sebanyak \$1,487,000,000 di mana ianya dibelanjakan daripada hasil pinjaman-pinjaman dari dalam dan luar negeri, nampaknya tahun ini negara kita masih banyak mengalami hutang dan makin bertambah-bertambah. Sungguhpun

Tuan Yang di Pertua: Saya suka hendak mengingatkan bahawa Ahli Yang Berhormat telah berucap lebih kurang setengah jam. Apa-apa yang hendak dicakapkan, semua telah disebutkan. Saya khuatir masa tidak cukup nanti. Sungguhpun ianya awal lagi atas perbincangan ini, jadi saya minta supaya dipendek-pendekkan sedikit, jangan bercakap panjang-panjang. Saya tahu, kalau hendak dipendek-pendekkan—boleh, dan kalau hendak dipanjang-panjangkan pun, boleh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tidak panjang. Tuan Yang di Pertua, sedikit sahaja.

Sungguhpun sebahagian besar hutang negara kita adalah bersumber dari dalam negeri, tetapi perjalanan berhutang secara ini harus dikurangkan, kerana kita takut di satu masa kelak pemberi-pemberi hutang akan dapat mempengaruhi keadaan pentadbiran dan perjalanan negara kita.

Untuk mendapatkan hasil yang baharu, maka beberapa cukai dinaikkan pula. Dalam perkara cukai ini seharusnya tidaklah setiap tahun kita menaikkan cukai samada dikenakan kepada gulungan manapun asalkan rakyat kita semua. Sepatutnya Kerajaan mencari jalan supaya hasil-hasil makin bertambah daripada punca-punca yang lain.

Sekarang nampaknya hasil daripada cukai-cukai ialah sebanyak \$2,304 juta di dalam tahun 1972 sedangkan hasil yang datang daripada bukan cukai ialah sebanyak \$488.4 juta sahaja. Seharusnya Kerajaan menggiatkan lagi pencarian-pencarian wang untuk negara bukan dengan cara menaikkan cukai. Hal ini harus dirancangan, bukan dengan semata-mata memandang sahaja. Saya bimbang nanti rakyat akan berkata: Yang Berhormat Menteri Kewangan kita sebagai Menteri hanya pandai untuk menaikkan cukai.

Tuan Yang di Pertua, dalam kenaikan cukai tahun 1973 ini ialah kenaikan cukai buah-buah. Dalam hal ini nampaknya Menteri Kewangan mengatakan bahawa tujuannya ialah mahu menggalakkan rakyat makan buah-buah tempatan dan Menteri itu meminta kita membaca buku keluaran FAMA berkait dengan zat buahan tempatan.

Saya tidaklah menafikan tentang baiknya mutu buah tempatan tetapi sayang sekali sistem penanaman dan penyelenggaraannya di negara kita jauh daripada memuaskan. Lihat sehingga ini kita masih mengimpot buah-buah dari luar negeri, kalau tidak silap saya pada tahun 1971 kita telah mengimpot buah luar negeri yang berharga sebanyak \$28.4 juta. Cuba kita kaji apakah sebab kita membeli buah-buah luar negeri? Mengikut pendapat saya bukanlah rakyat Malaysia tidak suka makan buah-buah tempatan, kerana buah tempatan selalu mereka makan, tetapi buah-buah seperti itu tidak ada ditanam di Malaysia sedangkan mereka mahu makan seperti buah anggur, buah apple dan lain-lain.

Tuan Yang di Pertua, sepatutnya setelah kita tahu rakyat Malaysia suka makan buah-buah yang tersebut, maka haruslah kita menerima supaya tanaman itu dijalankan di negeri ini. Cuba kita lihat di negeri Thai yang dahulu tidak ada anggur, tetapi sekarang mereka sudah dapat mengeksport anggur dan negeri kita pun beli anggur daripada Thai, kenapa demikian, sedangkan tanah kita adalah sama dengan tanah negeri Thai dan kalau ini dirancang dengan betul-betul, saya rasa kita akan dapat mengatasi dalam hal ini.

Tuan Yang di Pertua, dalam masaalah kedudukan

Tuan Yang di Pertua: Tak habis-habis lagi, Ahli Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada sedikit lagi, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di Pertua: Berapa lama lagi?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Saya rasa dalam 5 minit lagi.

Tuan Yang di Pertua: Saya tahu kalau Perdana Menteri membuat ucapan pun tak sampai satu jam, ini sudah berjam-jam. Ahli Yang Berhormat hendaklah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan sahaja. Kalau bercerita panjang-panjang akan membuang masa sahaja. Saya beri masa 5 minit lagi untuk meneruskan ucapan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, mengenai pelaburan yang ada di negeri kita ini samada daripada rakyat Malaysia atau yang bermastautin di Malaysia ini sudah banyak yang mengembangkan sayapnya di luar negeri samada di Singapura atau lainnya. Dari kenyataan itu kita nampak bahawa keadaan demikian boleh merugikan cukai di negeri kita dan juga kerugian dari sudut-sudut yang lain. Nampaknya Menteri Kewangan tidak begitu bersetuju dengan kenyataan bahawa cara sedemikian adalah merugikan negara kita, kerana katanya kita mahu menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pelaburan yang besar di rantau ini tetapi saya berpendapat Menteri Kewangan itu ada sedikit per selisihan dengan kenyataan-kenyataan yang sering dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang meminta pelabur-pelabur yang ada di negeri ini menanam

semula hasil keuntungan mereka di negeri ini juga. Ini katanya dengan tujuan supaya penanaman modal berkembang di sini di mana rakyat mendapat keuntungan pekerjaan dan sebagainya.

Saya fikir hal ini harus dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, kerana ramai rakyat bersetuju dengan kenyataan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memandangkan bahawa ada beberapa pelabur Malaysia yang telah mengalihkan pelaburannya untuk mencari keuntungan di negara-negara yang lain. Jadi oleh kerana masanya terhad, boleh saya sambung lagi, Tuan Yang di Pertua?

Tuan Yang di Pertua: Ya, teruskan!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Berkait dengan hal pelaburan ini juga, suka saya membawa masaalah pelaburan asing di Malaysia.

Nampaknya pelaburan asing pada masa sekarang ini masih kurang atau tidak begitu berminat datang ke Malaysia. Kita ingin mendapat keterangan yang jelas dalam hal ini.

Satu hal yang harus dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah tentang kempen pelaburannya di Perancis pada 3hb Oktober, 1972. Nampaknya dalam masa Menteri Kewangan itu berkempen di sana, satu kenyataan yang didapati kurang memuaskan hati kita. Katanya di samping kami menjalankan dasar meminta pelabur-pelabur supaya menguntukkan seberapa besar saham yang dipegang oleh anak negeri demi kepentingan jangka panjang pelabur-pelabur itu sendiri, tetapi dasar itu tidaklah dijalankan dengan begitu tepat.

Kata *Far Eastern Economic Review*: Dasar 51% saham yang dipegang oleh orang Malaysia itu selalunya tidak dipatuhi sehingga dasar itu tidak begitu penting pada masa ini. Oleh itu, kepada saya, kenyataan Menteri di Paris itu ada mengandungi tanda-tanya. Adakah benar bahawa selama ini dasar itu tidak dilaksanakan ataupun sebagainya ataupun apa yang di sebalik kata-kata yang tersebut? Jika benar, apakah sebabnya dan dari segi manakah kita akan mendapat keuntungan samada secara jangka panjang ataupun jangka pendek?

Tuan Yang di Pertua, dalam hal ini, ingin saya menyentuh tentang kegelisahan rakyat

berhubung dengan harga barang yang terlampau mahal. Setiap masa barang melambung-lambung naik tinggi dan rakyat ramai tidak berdaya rasanya untuk membeli barang, hatta kita dapati di sana sini barang-barang telah bertambah baik.

Tuan Yang di Pertua, kita telah mempersoalkan kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian supaya mengkaji dalam masa-masa ini. Mengikut kenyataan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang tersebut bahawa beliau tidak berkuasa ataupun beliau tidak mahu mengadakan satu undang-undang harga barang-barang itu yang menetapkan harganya, cuma yang ditentukan ialah meletakkan tanda harga. Ini menda-tangkan kesamaran, Tuan Yang di Pertua, sebab meletakkan tanda harga adalah lain dengan menentukan harga sebab kadang-kadang harganya dia letak dengan harga yang mahal.

Saya sendiri, Tuan Yang di Pertua, pernah membeli satu barang yang harganya lebih kurang \$4.20 sahaja, tetapi saya terpaksa membeli \$5 lebih sebab dia letak dengan harga \$6 lebih, saya sudah minta supaya diturunkan kepada \$5 lebih.

Tuan Yang di Pertua: Apa barangnya itu?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada satu jenis lampu, Tuan Yang di Pertua. Jadi saya fikir apakala saya tawar harga \$5 lebih itu sudah murah dengan sebab sudah turun lebih 80 sen. Apakala saya bawa balik ke rumah, kawan saya pergi dan bertanya: Awak beli berapa? Saya jawab: \$5 lebih. Fasal apa \$5 lebih? Saya kata: Tak tahulah apa fasal. Oh! tidak, dia kata harganya \$4 kalau tak silap saya harganya \$4.50 begitu-lah. Jadi tak usahkan rakyat lain, saya sendiri pun kena juga, Tuan Yang di Pertua. Inilah dengan sebab saya tak tahu akan harganya itu yang sebenar.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Oleh itu, Tuan Yang di Pertua, saya harap kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya mengkaji hal ini, sebaik-baiknya semua barang diletakkan dengan harga. Sekian, terima kasih.

Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I wish to participate in this Budget debate and I would like to make a few comments.

Firstly, the Budget has been stated by many as a pre-election Budget and this seems to be confirmed from the fact that the Budget has not only been presented much earlier than usual but it has also attempted to woo the lower sections of our community by confining the tax increases to the so-called luxury items, though some of these, like cooking stoves and fruits, cannot be said to be luxuries.

Mr Speaker, Sir, the people of Malaysia have learnt bitter lessons in the past to fall, to my mind, for this gimmick. They very well know that after a general election the Alliance is in the habit of imposing very heavy and wide taxes. This happened after the elections in 1959 again in 1964 and again in 1969. In 1959, the tax base was widened to rope in the lower income groups and the income tax allowances for wives and children were reduced. After the 1964 elections, the driving licence fees and vehicle registration fees were more than double and a lot of new taxes were imposed. After the 1969 elections, import duties were imposed on a lot of items and the obnoxious sales tax was introduced, not to mention the surtax and the increases. As such, Mr Speaker, Sir, people are already wondering what new taxes will be introduced after the next elections. Against this, we are aware that no concessions have been made for the lower income groups in income tax. There has been no increase in the rate of E.P.F. contributions either. There has been no increase in the tax allowances for wives and children. In fact, as I said, they have been reduced. No consideration has also been given to the aged and the dependants and the pension rate has not been increased.

Further, Mr Speaker

Tuan Yang di Pertua: Time is up. You may continue tomorrow.

Tuan V. Veerappen: Much obliged.

Tuan Yang di Pertua: Mesyuarat ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.